

DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

**WAWANCARA BERSAMA ENCIK SHAMSUDIN BIN HJ ABD
MAJID**



**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

OLEH:

**NOR ATIQAH BT MOHAMAD YUSRI
(2010792519)**

DATE

JUNE 2013

WAWANCARA BERSAMA ENCIK SHAMSUDIN BIN HJ ABD MAJID

OLEH:

**NOR ATIQAHT BT MOHAMAD YUSRI
(2010792519)**

**MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 603 DOCUMENTING OF ORAL TRADITION
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SUBMISSION DATE
JUNE 201**

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...Assalamualaikum w.b.t.

Pertama sekali syukur ke Hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya maka dapatlah saya menyiapkan projek temuramah bersama tokoh bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan pembelajaran dalam subjek IMR 603 Documenting Oral History. Saya bersyukur kepadaNya kerana memberi kekuatan, ketabahan dan kesabaran dalam menempuhi pelbagai kesusahan dan rintangan dalam proses menyiapkan projek ini.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada tokoh temuramah saya iaitu Encik Shamsudin bin Hj Abd Majid dan keluarga kerana sudi meluangkan masa untuk ditemuramah dan bekerjasama dengan saya dalam menyumbang idea dalam menyiapkan projek temuramah secara lisan ini. Tanpa kerjasama dan kesudian dari pihak beliau, saya tidak akan dapat menyiapkan projek ini dengan lengkap sepenuhnya.

Juga, tidak lupa kepada pensyarah kami, Encik Idzwan bin Mohd Salleh kerana sudi meluangkan masa berbincang dengan saya apa jua masalah yang saya hadapi sepanjang tempoh projek ini dijalankan. Terima kasih juga kepada beliau kerana tidak putus-putus memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya dalam menyiapkan projek ini. Seterusnya, ribuan terima kasih diucapkan kepada kedua-dua ibu bapa saya yang tidak berputus asa dalam memberi semangat, dan sokongan membantu saya dari segi kewangan dan mendoakan kejayaan saya sepanjang projek ini dijalankan. Akhir sekali, tidak ketinggalan rakan-rakan yang telah banyak menyumbangkan idea dan memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang saya menyiapkan projek ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak-pihak yang terlibat secara tidak langsung sepanjang projek ini dijalankan. Semoga budi baik kalian akan dibalas olehNya..Wassalam.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN.....	I
ISI KANDUNGAN.....	II
ABSTRAK.....	III
BIODATA/ MAKLUMAT PERIBADI TOKOH.....	IV
TRANSKRIP WAWANCARA	1 - 31
3.1 BAHAGIAN A.....	1 - 4
3.2 BAHAGIAN B	5 - 10
3.3 BAHAGIAN C	10 - 31
SENARAI SOALAN.....	32 - 39
LOG WAWANCARA	40
INDEKS.....	41-49
LAMPIRAN	50-67

ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Encik Shamsudin bin Hj Abd Majid Mengenai Pembabitan Beliau Dalam Bidang Seramik

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Shamsudin bin Hj Abd Majid mengenai kerjaya beliau sebagai pembuat kraf yang sudah hampir 26 tahun berkecimpung dalam bidang ini. Transkrip temubual ini dijalankan di pejabat beliau di Kampong Tanjung Bidara, Kampong Gajah, Perak pada 26 Mei 2013 bermula jam 10.51 pagi. Industri labu tanah merupakan sebahagian daripada produk warisan yang mampu dipertahankan hingga ke hari ini. Allahyarham Kayah yang meninggal dunia ketika berusia 130 tahun mengusahakan industri ini lebih 100 tahun di Kampong Tanjung Bidara, Kampong Gajah, Perak. Tiga daripada lapan anaknya iaitu Jamiah Ngah Salam, Hawa dan Sum mewarisi seni ini dengan menjalankan usaha niaga secara kecil-kecilan. Encik Shamsudin bin Hj Abd Majid adalah seorang pengusaha industri seramik tempatan yang juga cucu Kayah dan Setiausaha Koperasi Industri Kampong Tanjung Bidara Kampong Gajah Berhad (KIKTBKGB). Koperasi itu ditubuhkan pada 1986 untuk mengusaha dan mengembangkan industri seramik tempatan. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang serta pengalaman beliau sebagai pembuat kraf. Selain itu, temubual ini menumpukan tentang bengkel Deen Craft yang memproses dan menyediakan produk seperti labu, gelok, belanga, lampu tidur, barang hiasan pasu, bekas tisu, cawan pensel. Selain itu, ia juga berkenaan usaha dan pendedahan yang diberikan kepada golongan belia untuk menceburi bidang kraf ini.

Kata kunci: Encik Shamsudin bin Hj Abd Majid, pembuat kraf, bengkel Deen Craft, produk dan industri seramik.

BIODATA DAN PROFIL PERIBADI TOKOH



1	NAMA PENUH	SHAMSUDIN BIN HJ ABD MAJID
2	ALAMAT SURAT - MENYURAT	F. 28 KAMPUNG TANJUNG BIDARA, 36800 KAMPUNG GAJAH, PERAK
3	KELAHIRAN	PULAU TIGA
4	JANTINA	LELAKI
5	BANGSA	MELAYU
6	PENDIDIKAN	RENDAH: SEKOLAH KEBANGSAAN TANJUNG BIDARA. MENENGAH: SEKOLAH MENENGAH UNGKU AZIZ, SABAK BERNAM
7	KELUARGA	ADIK-BERADIK: 7 ORANG ISTERI: 1 ANAK: 9 ORANG
8	HOBI	MEMANCING DAN MENJALA
9	KERJAYA	MEMBUAT KRAF
10	SUMBANGAN	MEMBUAT HASIL PRODUK KRAFTANGAN

TRANSKRIP

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Encik Shamsudin bin Hj Abd Majid. Beliau merupakan pembuat kraf bagi penghasilan labu yang terkenal iaitu Labu Pulau Tiga dan Labu Tanjung Bidara di Kampong Tanjung Bidara, Kampung Gajah, Perak. Rakaman ini telah dijalankan di pejabat beliau bertarikh 26 Mei 2013 pada jam 10:51 pagi. Wawancara ini telah dikendalikan oleh Nor Atiqah bt Mohamad Yusri dan dibantu oleh Nor Ain binti Mohamad Yusri. Dengan segala hormatnya kita akan memulakan rakaman ini.

Bahagian A – Latar belakang tokoh

Atiqah: Boleh encik ceritakan di mana encik dibesarkan?

S: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...saya Shamsudin bin Hj Abdul Majid...(berdehem). Saya dibesarkan, dilahirkan di Pulau Tiga...Kampung Pulau Tiga yang mana tempat asal keluarga saya iaitu...emak atau nenek saya Hajah Kayah binti Idris dan juga ibu saya, Hajah Jamiah binti Ngah Salam, di mana mereka inilah yang memonopoli Labu Pulau Tiga hingga ke hari ini. Saya merupakan pewarislah yang mana dahulunya kedua-dua ibu bapa saya membuat kraf ini dan apabila ayah saya meninggal, saya menyambung warisan beliau di Pulau Tiga.

Atiqah: Apakah hobi dan kegemaran encik ketika masa lapang?

S: Di masa lapang, selain daripada me... membuat barang kraf berunsurkan tanah liat, saya juga menjalankan sedikit...kerja kebun iaitu sawit tapi hobi yang paling saya minat di masa lapang ialah...memancing ikan dan juga menjala ikanlah kerana saya pun mempunyai kolam ikan. Jadi saya bergiat di masa pagi, masa satu jam, petang masa satu jam.

Atiqah: Apa yang encik suka lakukan ketika kecil-kecil *dulu* (dahulu)?

S: Kecil-kecil dulu, memang ibu bapa saya membuat bendang, sawah padi, kan, jadi di situlah tempat saya bermain. Bermain sawah di bendang untuk menangkap ikanlah... waktu *kecik* (kecil) dahulu.

Atiqah: Bagaimana kehidupan sewaktu encik sebelum bekerja sebagai pembuat kraf?

Senang atau pun susah?

S: Semasa ibu bapa saya membuat kraf, kehidupan mereka susahlah kerana masa itu, banyak daripada masyarakat kita pun susah. Jadi, untuk membeli barang-barang keperluan harian pun, terpaksa kita berjimat-cermat, memandangkan keluarga pun ramai, ada lapan orang, kan. Jadi, apabila padi masak, barulah kita boleh senang *sikit* (sedikit). Tetapi pembuat masa itu...masa itu kraf *ni* (ini) adalah merupakan satu kerja sambilan, bukan tetap.

Atiqah: Jadi, encik suka tak (tidak) dengan kehidupan ketika encik kecil-kecil *dulu* (dahulu)?

S: Kalau disamakan dengan sekarang *ni* (ini), kita *tak* (tidak) sukalah kerana dulu terlampau banyak...tiadanya kemudahan seperti, air, api elektrik dan juga telefon dan juga kenderaan untuk keluar masuk daripada luar bandar ke bandar.

Atiqah: Boleh saya tahu cita-cita encik semasa kecil *dulu* (dahulu). Encik bercita-cita *nak* (hendak) jadi apa?

S: Saya sebenarnya daripada *kecik* (kecil) lagi saya suka...saya ada juga bercita-cita untuk menjadi...satu pasukan yang *beruniform* (pakaian seragam) seperti polislah...kerana apa...saya juga selepas tingkat...Tingkatan Enam STPM (Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia), saya pun telah mendapat tawaran sebagai Inspektor percubaan. Memandangkan semasa itu emak saya, kan, dia tidak berminat melihat

saya kerja dengan kerajaan, jadi beliau tidak membenarkan saya pergi masuk bidang Inspektor. Beliau berminat saya masuk bidang kraf ini.

Atiqah: Berapa orang adik-beradik encik? Boleh encik ceritakan tentang mereka?

S: Adik-beradik saya termasuk sekarang, lapan orang. Kebanyakan, saya anak yang bongsu. Memandangkan mereka di atas, mereka lebih cenderung kepada kerja bermakan gajilah. Saya seorang yang...yang terdapat untuk membuat bidang kraf ini.

Atiqah: Jadi, boleh encik ceritakan secara ringkas tentang pendidikan encik dari awal hingga tahap pendidikan encik yang tertinggi yang encik capai?

S: Saya semasa di sekolah rendah, saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Tanjung Bidara darjah satu hingga darjah enam di situ. Setelah tamat, saya memasuki sekolah di Kampung Gajah, Sekolah Dato' Maharaja Lela, Kampung Gajah sehingga Tingkatan Dua *saja* (sahaja). Kemudian saya berpindah ke Sekolah Ungku Aziz di Sabak Bernam sehingga Tingkatan Lima. Kemudian saya menyambung di Sekolah Ipoh, Tingkatan Enam, STPM (Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia). Selepas itu *saja* (sahaja) saya mendapat tahap pendidikan.

Atiqah: Adakah kedua-dua ibu bapa encik berpuas hati dengan pencapaian encik di sekolah *dulu* (dahulu)?

S: Buat masa sekarang, mereka berpuas hatilah dengan pencapaian sekolah tapi dia lebih suka kepada bidang kraf juga, jadi memandangkan kita pun sudah ada bengkel dan juga keluaran barang-barang kraf kita, mereka akan lebih berminat dan lebih seronoklah.

Atiqah: Selama berapa tahun encik telah bekerja sebagai pembuat kraf?

S: Buat masa sekarang, saya baru lagilah...selama dua puluh enam tahun membuat kraf ini. Jadi, di situlah kita nampak kita punya penghasilan kerja, kan, dari hari ke hari, dari bulan ke bulan hingga ke satu tahun. Masa daripada dua bentuk kraf sehingga sekarang, saya *dah* (telah) menghasilkan lebih kurang dalam seratus dua puluh lima bentuk. Keluaran kita, hasil kita, daripada yang kecil harga lapan puluh sen bekas telur hingga ke dua ratus dua puluh ringgit (RM220), yang paling mahal sekali.

Atiqah: *Nak* (hendak) tanya pendapat encik pula. Tentang kehidupan encik sebelum

bekerja sebagai pembuat kraf dengan kehidupan encik sekarang *ni* (ini). Encik rasa *macamana* (bagaimana)?

S: Saya sebenarnya membuat kraf ini daripada sekolah lagi. Daripada emak saya buat, nenek saya buat, jadi saya rasakan saya *tak* (tidak) merasa kehidupan luar daripada kraf, kan. Jadi, daripada *dulu* (dahulu) kita memang bekerja sebagai pembuat kraf...bolehlah. Jadi, rasanya memang seronoklah kerana *dah* (sudah) pun sebatu dengan jiwa kita, kan...

Atiqah: Biasanya kejayaan hidup seseorang anak seperti encik *ni* (ini), dia diberi

didikan dan galakan daripada ibu dan bapa. Adakah itu mempengaruhi kerjaya encik dalam bidang ini?

S: Hmm...memang saya pun mendapat...pengaruh daripada ibu bapa saya memandangkan *diaorang* (mereka) pun selalu membuat kraf berunsur tanah liatlah. Jadi, *tiap-tiap* (setiap) hari saya lihat *diaorang* (mereka) membuat. Jadi, sedikit sebanyak saya punya...apa *ni* (ini)...cita-cita dan juga dia punya warisan *tu* (itu) meresap dalam jiwa saya.

Bahagian B – Soalan umum mengenai pengalaman dan penglibatan tokoh di dalam industri seramik

Baiklah encik. Sekarang kita beralih ke bahagian B, di mana saya akan bertanya tentang soalan berdasarkan pengalaman encik sebagai pembuat kraf.

Atiqah: Boleh encik ceritakan apakah pekerjaan pertama yang encik peroleh selepas menamatkan sesi persekolahan?

S: Selepas tamat sesi persekolahan Tingkatan Enam STPM (Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia), saya terus...mengambil kursus selama dua tahun di Kraf, Kuala Kangsar...Kraftangan Kuala Kangsar cawangan Perak sehingga dua tahun. Di situ juga saya telah mendapat...apa *ni* (ini)...dia punya pendedahan awal tentang seramik moden...daripada labu sayong saya, saya telah dapat lampu *tido* (tidur) dan juga *berbagai-bagai* (pelbagai) bentuklah, kan. Jadi lepas tamat, memang saya terus seratus peratus (100%) menceburi bidang...bidang seramik ini.

Atiqah: Pada tahun bila encik mula berkecimpung dalam industri penghasilan seramik *ni* (ini)?

S: Saya mula berkecimpung...dari kecil, kan, sebab dia...sekolah rendah lagi. Saya...apa *ni*... meniru keadaan dan juga me...*menengok* (melihat) bagaimana bapa, emak saya buat, nenek saya buat, kan. Saya pun buat...sehingga sekolah menengah pun saya masih kacau dia buat *jugak* (juga) *tapi* (tetapi) sehingga tepat tamat Tingkatan Enam, saya terus membuat labu *ni* (ini) dengan dibantu oleh kedua-dua ibu bapa saya.

Atiqah: Waktu *tu* (itu) berapa umur encik?

S: Saya masa *tu* (itu) daripada darjah dualah...lapan tahun. Sehingga sekarang saya membuat labu ini.

Atiqah: Adakah itu mempengaruhi encik dalam penglibatan encik untuk menceburi kerjaya pembuat kraf ini?

S: Sedikit sebanyak, memanglah kalau dia ba...contohnya kalau *bapak* (bapa) dia, *bapak* (bapa) dia membuat bidang kayu, kan, jadi anak pun sedikit sebanyak pun, dia mesti juga mengikut *bapak* (bapa) dia buat kayu. Begitu juga dengan saya, kan. Bila emak ayah kita buat barang kraf berunsur tanah liat, sedikit sebanyak...saya pun hari-hari tengok. Jadi, dengan cara itu, saya pun boleh dapat dia punya ilmu untuk membuat...barang-barang tembikar ini.

Atiqah: Saya ingin tahu, boleh encik ceritakan satu demi satu tentang sejarah penubuhan premis perniagaan encik?

S: Premis perniagaan *ni* (ini) sebenarnya adalah merupakan warisan daripada generasi yang pertama iaitu Hajah Kayah binti Idris Jadi, kemudian turun kepada emak saya, Hajah Jamiah binti Ngah Salam. Jadi, maknanya dia punya penubuhan ini bermula daripada ratusan tahun dulu...hampir seratus enam puluh lima tahun dahulu...sehingga sekarang, kan. Jadi, tidak ada pada sejarahnya *tu* (itu) dibentuk turun daripada satu generasi ke satu generasi, satu generasi. Mungkin akan datang pun, kepada anak saya, kan. Jadi, penubuhannya...*tak...tak* (tidak) boleh kita tengok daripada peringkat sekarang ni, kan, peringkat awal, kan...daripada seratus enam puluh tahun dahulu.

(Kedengaran suara kanak-kanak)

Atiqah: Boleh encik ceritakan tentang sejarah tembikar? Apa tujuan tembikar dicipta?

S: Sebenarnya tembikar *ni* (ini)...dia lebih berunsurkan kepada pembuatan labu. Labu *ni* (ini) dan juga gelok. Dahulu, kalau kita perhatikan...kawasan luar bandar *ni* (ini), dia tiada mempunyai bekalan elektrik. Jadi, bila tiada bekalan elektrik, jadi *diaorang* (mereka) *ni* (ini) dan juga *dulu* (dahulu), penggunaan plastik ni tak...*takde* (tiada).

Jadi, manusia mencipta satu benda untuk menyimpan air, kan...dan juga memasak. Memasak selain daripada periuk. Jadi macam kita...labulah. Labu untuk mengisi air dan juga gelok untuk memasak...memasak... makanan-makanan...itu *saja* (sahaja).

Atiqah: Sejak bila barangan tembikar mula digunakan?

S: Tembikar *ni* (ini), dia mula digunakan pada awal abad yang ke...lapan belas. Kalau kita perhatikan, di negeri China, lebih awal lagi...mungkin abad ke-12, tiga belas...mereka lebih awal menggunakan barang...barangan tembikar ini. Lepas *tu* (itu) di Tanah Melayu *ni* (ini), kalau kita tengok balik, daripada abad ke-17 hinggalah lapan belas, selepas itu.

Atiqah: Apakah kegunaan utama tembikar pada zaman dahulu? Bagaimana pula dengan reka coraknya?

S: Kegunaan tembikar pada zaman dahulu macam yang saya terangkan tadi. Mereka mencipta hasil labu yang mana reka coraknya, mereka menggunakan seperti bunga...bunga rebung, bunga paku-pakis dan juga bunga raya dan juga bunga kekwa.

Atiqah: Adakah peredaran zaman membawa sebarang perubahan dalam rupa bentuk, corak dan kegunaan tembikar?

S: Kalau kita tengok peredaran zaman, kalau zaman batu dahulu, kan, mereka menggunakan batu sebagai alat-alat untuk memotong, kan. Sekarang pisau, begitu juga dengan tembikar, kan. Kalau dahulu, mereka menggunakan labu untuk mengisi air. Sekarang, kebanyakannya labu telah diubahsuai kepada barang-barang perhiasan seperti lampu *tido* (tidur) dan juga...alat-alat untuk tepak ke, kan, untuk hiasan ke, untuk, untuk dibubuh dalam cermin. Jadi lebih majulah ke depan.

Atiqah: Bagaimana pula dengan inovasi baru dalam industri tembikar? Adakah cara pembuatannya masih mengekalkan cara tradisional?

S: Kalau kita tengok untuk inovasi baru dalam industri tembikar ini, dia masih menggunakan teknik kerja lama tetapi diubahsuai kepada bentuk-bentuk moden kerana kalau kita perhatikan, kalau dahulu, kan, sebab labu biasanya labu hitam *saja* (sahaja) atau pun labu *terra cotta kat* (dekat) tepi tu, kan. Tetapi sekarang telah dimodenkan dengan pelbagai warna dan juga reka corak macam tebuk ke atau pun dengan bunga tampal dan juga... warna yang berbeza-beza. Ada warna *gold* (emas), ada yang warna *maroon* (merah coklat), ada hijau, kan, koko dan juga macam-macam. (*Kedengaran suara kanak-kanak menjerit*)

Atiqah: Apakah cabaran-cabaran yang encik tempuhi ketika awal penglibatan encik dalam menjadi pembuat kraf?

S: Yang pertama, cabarannya adalah kita terpaksa mengeluarkan satu produk yang begitu berkualiti dan juga berjenama sehingga kalau kita pergi ke Melaka pun, orang *tau* (tahu) ini Labu Pulau Tiga. Jadi, di sini, kita telah membuat satu identiti iaitu dengan bunga tampal. Ingat, bunga tampal pada produk kita. Jadi, kalau kita perhatikan di Malaysia, tidak ada bunga tampal *ni* (ini), baik di Kuala Kangsar ke, di Melaka ke, Johor ke. *Tu* (itu) kita punya identiti. Jadi, sampai sekarang kita bawa benda *ni* (ini) ke Kuala Lumpur ke, orang *tau ni* (ini) Labu Pulau Tiga, kan. Jadi, *tu* (itu) kita boleh berbangga dengan kita punya identiti sehingga di mana-mana pun, orang *tau* (tahu), kan, *ni* (ini) Labu Pulau Tiga.

Atiqah: Boleh encik ceritakan pengalaman pahit dan manis yang encik telah lalui sepanjang menceburi bidang seramik sebagai pembuat kraf?

S: Sepanjang...pengalaman pahitnya iaitu kerana di mana sahaja kita menceburi bidang perniagaan, kita terpaksa melalui masalah-masalah kecuali masalah yang

berbeza. Bagi saya, yang paling pahit sekali iaitu pada...tahun 19...*no, no* (tidak)... 2004, di mana kita telah menghantar produk kita ke Kuala Lumpur dengan nilai lebih kurang dua puluh ribu tetapi *customer* (pelanggan), selepas barang dihantar, *customer* (pelanggan) *tu* (itu) telah memberikan kita cek tendang. Jadi, dengan nilai yang kosonglah. Jadi di situ memang satu pengalaman pahitlah. Memang kita...kita pergi cari dia pun *tak* (tidak) jumpa, sehingga sekarang. Barang *dah* (sudah) hantar *tapi* (tetapi) bagi cek tendang. Jadi pengalaman pahit dan manis yang telah saya lalui sepanjang membuat labu *ni* (ini), saya telah pun sam...satu hari, saya telah sampai ke Portugal, Lisbon dan juga di Madrid di mana kita telah membuat satu ekspo di bawah Kementerian Perdagangan dan Kraftangan, kan. Di situ kita tengok macamana produk kita boleh bersaing dengan produk-produk di luar, di dunia, kan, sehinggakan mereka tertarik...tertariklah dengan produk-produk yang kita hasilkan. Begitu juga dengan di Mesir, kita tengok *diaorang* (mereka) berminatlah. Jadi, walaupun kita telah pergi ke...di mana kita punya tempat di Conlay,, di Malaysia. Di Conlay, barang-barang yang kita perbuat, mereka juga berminat. *Okay* (baiklah)...

Atiqah: Apakah peristiwa yang sukar dilupakan dalam hidup encik dan menjadi kenangan encik hingga saat ini?

S: Peristiwa yang sukar dilupakan masa ini saya rasakan bahawa...yalah, bila kita hantar barang, *customer* (pelanggan) akan *complain* (mengadu) dan juga tidak mahu membayar. *Tu* (itu) yang kita merasa sayat pelbagai dan juga, ada juga kadang-kadang, kita tempah kita punya. *Wedding* (perkahwinan), untuk perkahwinan, dia tempah dua ribu, sehingga sekarang dia *tak* (tidak) *ambik* (ambil). Jadi, ke mana kita *nak* (hendak) *bawak* (bawa) benda *tu* (itu), kan? Sedangkan ada tulis nama, semua *tu* (itu), kan. *Tu* (itu) masalah-masalah yang kita perolehilah.

Atiqah: Apakah sumbangan encik dalam industri penghasilan produk-produk tembikar ini?

S: Sumbangan saya, kalau diperhatikan, memang banyaklah. Yang pertama sekali, kita telah pun memberi latihan-latihan kepada pelajar-pelajar sekolah, pada belia-belia. Mereka datang sendiri ke mari, kita akan beri kursus selama tiga bulan. Yang paling lama, enam bulan pun ada. Yang sekolah-sekolah akan memberi kursus selama satu hari atau pun dua atau tiga hari dengan...tanpa bayaran. Kita memberi...kita beri diaorang (mereka) elaun, kan, dengan cara itu mereka akan boleh memperluaskan lagi hasil kraftangan ini...tembikar.

Bahagian C – Sumbangan tokoh sebagai pembuat kraf dalam perusahaan industri seramik terutamanya penghasilan Labu Pulau Tiga dan Labu Tanjung Bidara yang terkenal

Sekarang, kita beralih ke bahagian C, di mana saya akan bertanya tentang soalan berdasarkan sumbangan encik dalam industri seramik.

Atiqah: Apakah jenis perusahaan yang amat terkenal di daerah Kampung Gajah?

S: Hmm...jenis perusahaan yang terkenal di Kampung Gajah *ni* (ini), biasanya mereka mengusahakan kraftangan yang dilakukan untuk pembuatan barang-barang tembikar. Sehingga sekarang, sekarang *ni* (ini) ada, cuma...ia bermula daripada...di Pulau Tiga iaitu mukim Kampung Gajah...daripada seratus enam puluh tahun yang dahulu...dahulu.

Atiqah: Daripada siapa encik mewarisi kemahiran membuat tembikar?

S: Warisan yang saya mewarisi iaitu daripada nenek saya, Haj...Hajah Rokayah...Kayah dan juga ibu saya, Jamiah binti Ngah Salam.

Atiqah: Apakah produk-produk keluaran *Deen Craft*?

S: Produk-produknya yang sekarang iaitu telah pun dikeluarkan hasil lebih kurang seratus lima puluh unit produklah, dua puluh jenis produk...yang dikeluarkan oleh *Deen Craft*.

Atiqah: Adakah encik masih mengekalkan ciri-ciri dan teknik pembuatan seramik secara tradisional?

S: Di antara ciri-ciri dan teknik pembuatan barang seramik yang biasa kita kekalkan, biasanya seperti labu air...kita lihat labu air untuk minuman dan juga untuk belanga, untuk masakan. Tetapi yang bentuk luar untuk lampu *tido* (tidur) atau pun pasu bunga, kita tidak modenkan dengan cara memberi...*design* (rekaan) yang berbeza-beza seperti tampalan dan juga reka corak tebuk. Begitu juga dengan warna-warna yang kita telah ubahsuai yang...apa *ni* (ini)...di atas permukaannya.

Atiqah: Adakah bengkel *Deen Craft* menggunakan mesin dan peralatan moden dalam pengeluaran produk seramik?

S: Ya, buat masa ini...hmm...produk *Deen Craft* memang menggunakan mesin *partition* ataupun dapur menggunakan gas dan juga kita menggunakan teknik-teknik yang barulah, moden...untuk keluaran barang...produk seramik.

Atiqah: Boleh encik ceritakan jenis-jenis tembikar di Malaysia?

S: Jenis-jenis tembikar di Malaysia...ia berbeza-beza. Kalau kita pergi ke...daripada utara lagi...Kedah, kan, ianya merupakan labu yang berunsurkan produk tetapi nama dia Labu Kunchorlah. Labu Kunchor, dia kalau kita perhatikan, dia berbentuk macam buah labu tapi dia punya tangkai dan juga dia punya muncung panjang. Kalau kita masuk bawah kepada...Perlis, dia...menggunakan tanah merah, merujuk periuk belanga untuk masak barang-barang. Kalau kita pergi ke Kuala Kangsar sendiri, mereka utamakan kepada labu...Labu Hitam ataupun sekali...Labu Sayong. Kalau

kita masuk kepada Pulau Tiga, kalau dahulunya kita menggunakan teknik bunga tampal atau pun Labu Panai...Panai, kan. Kalau kita pergi ke Selangor, kebanyakannya macam *kat* (dekat) India. Mereka menggunakan...apa ni...belanga untuk masakan kari atau pun kuah-kuah yang perlu dipanaskan.

Atiqah: Adakah bentuk dan rupa tembikar mengikut negeri dan lokasi pembuatannya?

S: Ya, dia...dia...dia mengikut lokasi, tempat berbeza-bezalah kerana apa...dia punya...dia...dia...perubahan *tu* (itu) melalui jenis tanah. Kalau tanah di Pulau...Pulau Tiga *ni* (ini), kita menggunakan tanah busut. Jadi, kita punya produk *tu* (itu), dia sesuai untuk bunga tampal tadi. *Tapi* (tetapi) kalau di Kuala Kangsar, mereka menggunakan tanah sungai. Jadi, dia *tak* (tidak) boleh buat bunga tampal *tu* (itu) bila buat labu yang isi air. Jadi, macam di Tanjung Bidara *ni* (ini) dan Pulau Tiga *ni* (ini), labu isi air *ni* (ini)...dia kurang sesuai untuk membuat Labu Hitam *ni* (ini). Jadi, begitu juga dengan di Selangor, kan. Di Selangor, tanah dia lebih sesuai untuk membuat periuk-periuk memasak...berbeza.

Atiqah: Apakah tujuan penghasilan tembikar selain bertujuan untuk memenuhi kelengkapan dan keperluan?

S: Tujuan penghasilan tembikar *ni* (ini)...yang pertama sekali, dia...mereka...untuk mendapat pendapatan tetap, kan. Yang keduanya, untuk menghasilkan produk tembikar ini untuk memenuhi permintaan daripada tempahan-tempahan orang luarlah. Jadi...yang ketiganya, kalau dengan adanya pasaran-pasaran di dalam dan luar negeri, kita boleh memberi penghasilan kepada negara, kan. *Dah, tu je* (Sudah, itu sahaja)...

Atiqah: Saya difahamkan terdapat beberapa jenis tembikar yang terkenal seperti Labu

Sayong, Labu Pulau Tiga, Tembikar Tembeling dan Tembikar Mambong.

Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang tembikar-tembikar ini?

S: Sebenarnya, saya patut cerita dari peringkat awal lagi. Labu Sayong *ni* (ini), dia dibuat di Kuala Kangsar. Jadi...dia khusus kepada Labu Hitam iaitu untuk penggunaan isi air. Kalau di Labu Pulau Ti...Labu Pulau Tiga *ni* (ini), kita membuat biasanya pengeluaran barang-barang berunsurkan hiasan atau pun pembakaran *terra cotta*. Jadi, biasanya pasu-pasu bunga atau pun kita gunakan untuk lampu *tido* (tidur)...dan juga untuk barang-barang keluaran untuk orang kahwin, kan...kenduri kahwinlah. Kalau di Tembeling, dia biasanya...dia akan membuat bentuk yang berupa macam bentuk...kalau dulu orang untuk bakar asap kemenyan ke atau pun bekas masak-masak ke...masak untuk...untuk apa *ni* (ini)...keluaran itulah...belanga. Begitu juga dengan di Mambong. Mambong dengan Tembeling *ni* (ini), produknya lebih kurang samalah kerana penggunaan tanahnya sama.

Atiqah: Berapa jenis produk tembikar yang dihasilkan di bengkel *ni* (ini)?

S: Sehingga sekarang, kita telah menghasilkan lebih kurang seratus lima puluh produk.

Atiqah: Apakah perbezaan di antara Labu Sayong Kuala Kangsar dengan Labu Tanjung Bidara dan Labu Pulau Tiga Kampung Gajah?

S: Di sini saya ingin membuat pembetulan. Sebenarnya Labu Tanjung Bidara dengan Labu Pulau Tiga *ni* (ini), dia sama tempat. Cuma dia berpindah daripada Tanjung Bidara ke Pulau Tiga, kan, jadi...Labu Sayong, perbezaannya ada, penggunaan tanah dia untuk buat labu isi air...Labu Hitam. Labu Pulau Tiga di Tanjung Bidara *ni* (ini) mereka...kami menggunakan produk merupakan barang-barang hiasan; lampu *tido* (tidur), tepak dan pelbagai.

Atiqah: Apakah teknik dan asas pembuatan tembikar?

S: Teknik dan asas pembuatan tembikar, yang pertama sekali, kita mesti...mendapat tanah yang sesuai. Kemudian, dia menggunakan tiga teknik. Pertama sekali,

menggunakan...apa ni...cara acuan. Yang kedua, kita menggunakan mesin putaran. Yang ketiga, kita menggunakan teknik picit dan *trawl*. Itu untuk membuat barang-barang besarlah.

Atiqah: Apa teknik terkini yang biasanya digunakan dalam penghasilan produk tembikar?

S: Teknik terkini biasanya masih menggunakan...penggunaan...penggunaan acuanlah dan juga mesin.

Atiqah: Apa tujuan pengulian dan berapa jenis teknik yang digunakan dalam penghasilan tembikar di Malaysia?

S: Teknik pengulian-pengulian yang kita gunakan di bengkel kita *ni* (ini) menggunakan mesin...mampat dan juga tujuan dia mengeluarkan angin-angin yang terdapat dalam tanah. *Tapi* (tetapi) kalau kita perhatikan di...di satu tempat di Kelantan, cara pengulian dia...mereka...produk mereka untuk membuat atap tetapi cara pengulian mereka *ni* (ini)...dia...mereka menggunakan kerbau. Kerbau akan di ikat pada batang tiang dan tanah akan diletakkan...jadi, kerbau *ni* (ini) akan berpusing melalui tiang, akan memijak-mijak tanah *ni* (ini) sehingga tanah *tu* (itu) menjadi lembut. *Tu* (itu) cara yang kita tengok...cara yang kita perhatikan, cara penguliannya.

Atiqah: Boleh encik ceritakan proses pembuatan kraf seramik dengan lebih mendalam?

S: Pembuatan kraf seramik *ni* (ini), dia...berbeza dengan tembikar *ni* (ini). Seramik *ni* (ini) dia menggunakan teknik pembakaran suhu yang tinggi iaitu seribu dua ratus darjah Celsius dan juga penggunaan tanah yang berbeza. Kalau penggunaan barang tembikar, dia menggunakan tanah liat merah. Kalau yang seramik *ni* (ini), dia menggunakan tanah...tanah liat putih. Tujuan dia, kalau kita bakar warna biru, dia dapat warna biru. Maknanya *takde* (tiada) yang sesat, kan. Jadi, kerja pembakaran

kraf, seramik *ni* (ini) biasanya jarang digunakan oleh pengusaha-pengusaha yang di luar bandar *tapi* (tetapi) penggunaannya lebih kepada masyarakat Cina...di bandar.

Atiqah: Apakah bahan utama penghasilan tembikar?

S: Bahan utamanya...tanah liatlah. Tanah liat yang bermutu tinggi untuk hasil tembikar...tembikar yang bermutu tinggi.

Atiqah: Di manakah bekalan tanah liat biasanya diperolehi?

S: Kalau bekalan tanah liat *ni* (ini)...kalau kita perhatikan daripada segi sejarahnya, panjang Sungai Perak daripada Kuala Kangsar sehingga ke Kampung Gajah, memang sesuai untuk membuat...membuat labu, barang-barang tembikar.

Atiqah: Apakah jenis-jenis tanah liat yang biasanya digunakan dalam pembuatan tembikar tradisional?

S: Jenis tanah liat, biasanya macam di Tanjung Bidara dan Pulau Tiga *ni* (ini), kami menggunakan tanah liat daripada busut...busut. Jadi, itu yang lebih sesuai. *Tapi* (tetapi) dia tidak menggunakan...dia tidak mengguna...meng...dia...dia...dia terdapat pasir yang terlampau banyak.

Atiqah: Boleh encik ceritakan proses pembuatan Labu Pulau Tiga serta serba sedikit tentang tembikar-tembikar lain dengan menggunakan tanah liat yang tertentu?

S: Kalau kita tengok proses pembuatan Labu Pulau Tiga *ni* (ini), dia lebih kepada barang-barang berunsurkan...apa *ni* (ini)...perhiasan. Jadi, dia terpaksa menggunakan tanah liat yang tertentulah. Dia tidak boleh sebarang tanah liat kerana bila *je* (sahaja) kita menggunakan tanah liat yang berbeza, daripada satu tempat ke satu tempat, dia akan mendapat kesan yang...sampinganlah, seperti produk *tu* (itu) akan retak ke atau pun warnanya terdapat warna merah.

Atiqah: Bagaimana pembuat tembikar membentuk tanah liat tu (itu)?

S: Ianya membentuk melalui dua cara. Yang pertama, menggunakan tanah...*upper swift, slip cutting* untuk...untuk dimasukkan ke dalam acuan *tu* (itu). Yang keduanya, kita jemur dan kita akan membuat di atas mesin...sehari.

Atiqah: Boleh encik ceritakan tentang proses pembakaran tanah liat? Apa tujuan pembakaran ini?

S: Tujuan pembakaran tanah liat ini ialah untuk memastikan produk kita *tu* (itu) menjadi keras dan boleh digunakan dengan...dengan hasilan yang begitu bermutu tinggilah kerana...kalau dahulu, pembakaran menggunakan pembakaran *open* (terbuka) ya, *open fire* (pembakaran terbuka) *nilah* (inilah). Jadi, sekarang kita menggunakan dapur gas yang...yang begitu elok, elok sekalilah.

Atiqah: Berapa cara pembakaran yang biasanya dilakukan oleh pengusaha tembikar tempatan?

S: Biasanya mereka menggunakan cara satulah, satu cara iaitu membakar menggunakan dapur gas.

Atiqah: Bagaimana dengan inovasi pembakaran tembikar?

S: Perubahan-perubahan yang pembakaran tembikar kalau dahulunya, mereka menggunakan teknik lama. Sekarang, kita telah berubah kepada pembakaran cara moden iaitu penggunaan...apa *ni* (ini)...dapur...tanur-tanur yang begitu kemas dan juga menggunakan gas.

Atiqah: Apa bahan yang digunakan dalam pembakaran terbuka?

S: Pembakaran terbuka *ni* (ini) biasanya...yang pertama, buluh, kayu, sabut, lalang dan juga...apa *ni* (ini)...serbuk-serbuk kayu untuk menghitamkan labu *tu* (itu).

Atiqah: Berapa peringkat dalam proses pembakaran secara terbuka?

S: Biasanya yang pertama sekali, kita akan menyalai labu. Kemudian, kita akan masukkan labu ini ke dalam...bahan-bahan yang saya cakapkan tadi. Kemudian, kita akan bakar melalui...pembakaran yang begitu cepat dan juga api yang kuat.

Atiqah: Apa yang terjadi terhadap tembikar yang telah siap dibakar?

S: Ianya akan berwarna coklat dan juga warna hitam.

Atiqah: Apa lagi yang digunakan ketika membakar tembikar selain pembakaran secara terbuka?

S: Selain daripada pembakaran terbuka, kita menggunakan pembakaran secara moden iaitu menggunakan tanur yang bahan apinya gas.

Atiqah: Bilakah tanur batu-bata mula diperkenalkan? Apa bahan api yang digunakan ketika itu?

S: Biasanya tanur batu-bata *ni* (ini)...kita gunakan, ada dua bahan utama. Yang pertama sekali, kita gunakan kayulah. Yang kedua, kita gunakan bahan api...diesel.

Atiqah: Apa peringkat-peringkat yang dilalui ketika proses pembakaran?

S: Yang pertama sekali, kita menggunakan api yang perlahan iaitu untuk menyang produk-produk kita supaya jadi ter...teramat kering. Kemudian, kita akan daripada...kalau kita tengok suhu yang kita...dapur tu daripada kosong hingga ke tiga ratus darjah Celsius, ia merupakan peringkat...salaian, salai ya. Kemudian, daripada tiga ratus ke lima ratus, itu merupakan peringkat untuk...untuk memasak dia punya ba...produk. Daripada lima ratus ke lapan ratus tiga puluh, itu merupakan proses untuk me...me...mem...mem...menguatkan dia punya produk.

Atiqah: Berapa suhu ketika seramik dibakar? Adakah suhu pembakaran mengikut tembikar?

S: Untuk seramik, biasanya kita membakar lebih tinggi...seribu dua ratus darjah Celsius tetapi suhu pembakaran untuk tembikar, biasanya lapan ratus hingga ke sembilan ratus darjah Celsius.

Atiqah: Apa tujuan sekam padi digunakan?

S: Sekam padi digunakan untuk me...menghitamkan produk supaya air menjadi sejuk.

(Kedengaran suara kanak-kanak)

Atiqah: Bila tanur *ceramic fibre* mula diperkenalkan dan apa tujuannya?

S: Ta...tanur "ceramic fibre" diperkenalkan supaya bahan bakaran, kepanasan tidak boleh lepas keluar kerana dia merupakan...dia dapat memerangkap kepanasan di dalam tanur tersebut.

Atiqah: Pintu tanur *tu* (itu) direka menggunakan apa dan tujuannya?

S: Pintu tanur direka menggunakan...bata *fire bricks* iaitu bata yang tahan panas dan juga di... dilapiskan dengan...kita punya...*ceramic fibre*.

Atiqah: Apa bahan bakar utama yang digunakan oleh tanur *ceramic fibre* dan berapa lama masa yang diambil untuk setiap proses pembakaran?

S: Biasanya, kita menggunakan masa selama enam puluh tiga jam dengan suhu lapan ratus hingga sembilan ratus darjah. Bahan utamanya adalah gas.

Atiqah: Apakah *roller kiln* itu dan bila inovasi ini mula diperkenalkan?

S: *Roller kiln ni* (ini), biasanya dia baru dalam...1686, dia mula digunakan untuk...untuk memudahkan kita menyusun barang di bahagian luar. Setelah *tu* (itu), kita tolak ke dalam supaya bahan-bahan tidak mudah pecah.

Atiqah: Dari mana datangnya ilham dan idea reka bentuk *roller kiln* ini?

S: Ya, selalunya kalau kita perhatikan, *roller kiln ni* (ini) terdapat di pejabat kraftangan di Kuala Kangsar, jadi di situlah reka ciptanya kita *dah* (sudah)...dia ada pejabat atau di satu sudut *tu* (itu), kan, mereka telah mencipta yang dia punya *roller kiln* lah.

Atiqah: Apa tujuan tanur *roller kiln* ini dicipta?

S: Tujuannya adalah untuk memudahkan kita menyusun dan juga menolak dan juga menarik kita punya dapur *tu* (itu)...keluar dan masuk.

Atiqah: Adakah proses pembuatan tembikar *tu* (itu) rumit?

S: Kalau kita perhatikan, peringkat awalnya memang rumitlah *tapi* (tetapi), kalau kita *dah* (sudah) lebih kurang menceburi sehingga dua puluh tahun, tiga puluh tahun...ia jadi mudah bagi kita.

(Kedengaran suara seseorang sedang batuk)

Atiqah: Berapa orang pekerja yang bekerja di Deen Craft? Adakah semuanya mahir dalam menghasilkan produk tembikar di bengkel ini?

S: Buat masa ini, kita mempunyai pekerja seramai lapan orang...yang tetap punya. Mereka semuanya mahir dan juga terdapat lima pekerja yang bekerja sambilan. Mereka *ni* (ini) separuh mahir.

Atiqah: Apakah keistimewaan tembikar yang encik hasilkan berbanding tembikar yang lain?

S: Sememangnya, macam tadi, produk di sini mempunyai teknik-teknik yang baru iaitu bunga tampal dan juga tebuk di atas permukaan dan juga cat-cat, warna-warna yang berbeza...begitu menarik.

Atiqah: Apakah fungsi tembikar selain menjadi hiasan?

S: Ia juga boleh kita gunakan untuk memasak makanan dan juga untuk...untuk mengisi air supaya ia menjadi sejuk...yang air.

Atiqah: Adakah produk tembikar seperti labu dikeluarkan dalam pelbagai warna?

S: Ya, produk tembikar ini...labu pada dahulunya menggunakan warna hitam. *Tapi* (tetapi) sekarang, kita *dah* (sudah) beralih kepada teknik-teknik menggunakan warna-warna yang berbeza atau lebih menarik.

Atiqah: Bagaimana encik mengukir dan menghasilkan corak pada tembikar? Adakah mengikut motif-motif corak tertentu yang biasanya terdapat pada tembikar?

S: Biasanya kita me...mem...menggunakan teknik-teknik alam semulajadilah seperti pucuk rebung, bunga raya, bunga kekwa dan juga...bunga cengkih. Begitu juga dengan motif-motif yang ter...tertentu.

Atiqah: Siapakah tokoh-tokoh tembikar yang encik kenali?

S: Kalau kita perhatikan tokoh-tokoh yang terdapat seperti Puan Hasnah daripada Kuala Kangsar, Tuan Zamari @ Zamri daripada Kuala Kangsar juga. Kalau di Pulau Tiga ni (ini), kita perhatikan, Hajah Kayah dan juga...dan...dan...dan juga...apa ni (ini)...Puan Hajah Hawa, Hajah Jamiah binti Ngah Salam dan juga kalau kita perhatikan tokoh-tokoh yang...yang begitu terkenal...lagi.

Atiqah: Bagaimana orang mengenali tembikar ini?

S: Mereka mengenali tembikar ini melalui projek-projek yang terdapat di tem...Kuala Kangsar di...di...di...di Pulau Tiga.

Atiqah: Bagaimana pelanggan boleh membeli atau menempah produk kraf seramik yang dikeluarkan oleh *Deen Craft*?

S: Ya...mereka boleh datang sendiri ke kita punya bengkel...Koperasi Industri Kampong Tanjung Bidara atau pun melalui laman *Facebook* kita iaitu *Deen Craft*

atau pun melalui laman *website* (laman web) kita, Koperasi Industri Kampung Tanjung Bidara Bhd Angkasa. (www.angkasa.coop/usahawan/kraftangan.htm)

Atiqah: Untuk tempahan, adakah pelanggan perlu membayar wang pendahuluan?

S: Itu memang kita punya syarat-syarat yang kita perlukan kerana apabila mereka membayar wang pendahuluan, bermakna kita boleh terus membuat tempahan beliau.

Atiqah: Kebiasaannya, siapakah pelanggan yang mengunjungi *Deen Craft*?

S: Biasanya mereka yang memerlukan untuk...membuat tempahan macam membuat tempahan untuk perkahwinan atau pun untuk hadiah-hadiah, cenderamata di pejabat-pejabat dan juga di...di...apa *ni* (ini)...ekspo-ekspo yang untuk mereka menjual barangan.

Atiqah: Adakah tempahan labu mengikut kehendak pelanggan? Apakah warna labu yang biasanya ditempah oleh pelanggan?

S: Biasanya pelanggan ingin menempah labu yang...boleh isi air, warna hitam. Kalau warna yang perhiasan, mereka menempah pelbagai warna seperti hijau ke, *gold* (emas) ke atau pun *maroon* (merah coklat) ke. Jadi, kita ikut *diaorang* (mereka) punya tempahan.

Atiqah: Di manakah tembikar yang telah siap dipamerkan?

S: Dia ada bilik pameran. Kita pameran dalam bilik pameran kita dan juga di...di kiosk-kiosk kita, telah pun kita kata...di R&R di lebuhraya di Perak dan juga di Ulu Bernam.

Atiqah: Adakah encik menghantar dan menjual produk-produk tembikar ke tempat lain?

S: Biasanya kita...kita akan memasuki ekspo-ekspo dan juga pameran-pameran yang telah dianjurkan oleh Kementerian Kraftangan, FAMA (Lembaga Pemasaran

Pertanian Persekutuan) dan juga MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia).

Atiqah: Adakah produk tembikar keluaran encik mendapat sambutan di dalam dan luar negara?

S: Kita telah pun melalui beberapa siri lawatan, pameran. Memang mendapat permintaanlah seperti di Lisbon, Portugal dan di Sepanyol dan juga di Mesir. Memang mendapat...permintaan yang luas, luar jangkaan.

Atiqah: Apakah produk tembikar yang paling banyak mendapat permintaan yang tinggi dari pelanggan luar dan dalam negara?

S: Biasanya yang permintaan yang paling banyak, itulah, lampu *tidolah* (tidurlah). Kita akan hantar di hotel-hotel dan juga di pejabat-pejabat kerajaan.

Atiqah: Jika di dalam negara Malaysia, negeri mana yang paling banyak membuat tempahan tembikar?

S: Biasanya negeri yang paling banyak sekali...Kuala Lumpur dan juga Johor dan juga Melaka.

Atiqah: Selalunya negara luar di bahagian mana yang selalunya menempah produk tembikar dari encik?

S: Biasanya luar negara seperti Brunei, *Singapore* (Singapura) dan juga Indonesia.

Atiqah: Adakah encik pernah menyertai mana-mana aktiviti yang dianjurkan oleh pelbagai pihak, contohnya...macam ekspo...pameran?

S: Kita memang...kita...kita pergi...ekspo di Serdang. Begitu juga dengan ekspo Hari Kraf Kebangsaan Aeon Conlay. Kita juga pergi juga ke sekolah-sekolah...hmm...di mana mereka menjalankan aktiviti-aktiviti jualan. Kita juga akan pergi juga ekspo-ekspo...jualan-jualan yang diadakan oleh kerajaan dan Kraftangan.

Atiqah: Berapakah purata pendapatan yang encik perolehi dalam masa sebulan?

S: Dalam...melalui purata pendapatan *ni* (ini), biasanya saya boleh dapat di antara empat hingga enam ribu sebulan.

Atiqah: Adakah encik mendapat bantuan daripada mana-mana pihak untuk membangunkan industri seramik?

S: Kita mendapat bantuan daripada kerajaan di mana...dibantu oleh Kraftangan Malaysia dan juga pihak FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) iaitu melalui MOU. Jadi, mereka telah memberi kita...pengkhususan bangunan dan juga mesin-mesin.

Atiqah: Di mana encik mendapatkan bimbingan dalam perusahaan tembikar?

S: Bimbingan yang biasa kami dapat ialah melalui Kraftanganlah di Kuala Kangsar dan juga di Kuala Lumpur.

Atiqah: Di manakah encik mendapatkan latihan dan kursus untuk mendalami industri pembuatan tembikar?

S: Biasanya yang pertama sekali, kita mendapat latihan di Kraftangan dan juga di SIRIM (Standards and Industrial Research Institute of Malaysia)...SIRIM (Standards and Industrial Research Institute of Malaysia) di Kuala Lumpur untuk membuat barang-barang seramik.

Atiqah: Apa tujuan kursus itu?

S: Itu adalah untuk kita memastikan bahawa kita dapat mening...gal...menaik tinggi tarafkan kita punya produk.

Atiqah: Bagaimana pula dengan kualiti kerja?

S: Kualiti kerja buat masa ni (ini), kita...kita dari hari ke hari ingin menam...menambah baik kita punya kualiti kerja.

Atiqah: Adakah penghasilan tembikar encik pernah memasuki pasaran di dalam dan luar negara?

S: Oh...tembikar saya *ni* (ini) sebenarnya *dah* (sudah) masuk ke seluruh dunia, macam yang saya katakan tadi. Sampai ke...apa *ni* (ini)...Portugal, sampai ke Sepanyol, Madrid...seperti *Singapore* (Singapura). Jadi...memanglah dalam Malaysia *ni* (ini), seluruh Malaysia kita *dah* (sudah)...*dah* (sudah) hantar *dah* (sudah).

Atiqah: Apakah strategi pemasaran yang encik gunakan untuk meluas dan mengembangkan industri ini?

S: Strategi pemasaran yang kita gunakan adalah yang pertama sekali, kita ingin me...nak mengembangkan kita punya...nak menaiktarafkan lagi kita punya bengkel, membuka cawangan-cawangan di tempat lain dan juga menambahkan pekerja kita yang mahir dan juga kita ingin menambahkan lagi reka bentuk corak...labu kita.

Atiqah: Yang corak-corak *tu* (itu) ada tambah lagi ke yang selain daripada macam guna corak yang...*tak* (tidak) boleh?

S: Kalau boleh, kita akan tambahkan bentuk *grief* lah, *tu* (itu) yang macam kaca, kan, macam pinggan mangkuk ke atau pun...set-set...set-set *dinner* (makan malam) untuk malam, *ni* (ini), kan, macam...tempat...sekarang kita tengah belajar.

Atiqah: Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik dalam menjayakan industri pembuatan tembikar ini?

S: Cabaran yang pertama sekali iaitu di anta...untuk mem...memenuhi tempahan yang terlampau banyak dalam jangka masa yang begitu singkat kerana...bila contohnya mereka ingin menempah dua puluh ribu. Contohnya satu...daripada U...US (Amerika Syarikat)...US, kan, Amerika...mereka berkehendakkan satu kontena labu dalam masa dua minggu. Jadi, pihak kami tidak dapat me...menuhi dalam masa dua minggu, jadi...kita tolak dia punya tempahan. Jadi satu cabaranlah.

Dia...sekurang-kurang satu kontena tu mahu dua bulan. *Lepas* (selepas) dua minggu, *tak* (tidak) bolehlah...*tak* (tidak) mampu untuk memenuhi kontena tersebut.

Atiqah: Adakah encik mendapat sokongan dan galakan dari pelbagai pihak?

S: Yang pertamanya, sokongan daripada kedua-dua ibu bapalah. Galakan daripada pihak-pihak kerajaan seperti Kraftangan, FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan), Pejabat Daerah dan juga...KEMAS (Jabatan Kemajuan Masyarakat), MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia). Begitu juga dengan pejabat-pejabat belia, kan, kerana kebanyakan belia ni, *diaorang* (mereka) memberi galakan kepada belia-belia untuk menceburi bidang seramik.

Atiqah: Adakah sebarang masalah yang timbul sepanjang encik menceburi bidang pembuatan tembikar ini dan jika ada, bagaimana encik mengatasi masalah tersebut?

S: Biasanya masalah-masalah yang timbul tadi iaitu untuk mendapatkan tempahan yang...yang terlampau awal, kita akan membuat stok awal. Sekiranya tidak ada tempahan, kita akan membuat stok di antara lima...lima ribu ke sepuluh ribu. Apabila *customer* (pelanggan) inginkan yang cepat, kita akan keluar stok awal juga. Itu *je* (sahaja) yang boleh kita lakukan.

Atiqah: Tapi (tetapi) macamana kalau contohnya pelanggan tu (itu) dia buat...apa ni (ini)...macam dia...macam benda tu (itu) macam *last minute* (saat akhir) lah dia punya...tu (itu)?

S: Terpulanglah, kalau kita ada stok yang...yang sesuai dengan diri dia, kita akan bagilah. Kalaulah kata...kata dia *nak* (hendak) dalam masa seminggu untuk tempahan untuk dia, kita tolaklah. Kita *tak* (tidak) mampu untuk buat tempahannya tu (itu).
Hmm...

(Encik Shamsudin terbatuk)

Atiqah: Adakah encik bercadang untuk membuka cawangan di tempat lain selain bengkel *Deen Craft*?

S: Buat masa ini, kita ingin berbincang dengan Pejabat Daerah...kalau kita dapatkan tempat di Kampung Gajah *ni* (ini) untuk membuat pusat latihan...dan juga pameran.

Atiqah: Ada nama ke pusat latihan *tu* (itu)?

S: Pusat latihan *tu* (itu) kita akan bincang dengan Pejabat Daerah kerana dia usaha...usaha sama dengan Pejabat Daerah.

Atiqah: Pernahkah encik terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sebarang aktiviti-aktiviti yang dianjurkan...di dalam *ni* (ini)...dalam Perak *ni* (ini)...di...luar?

S: Ada rezeki...pergi, kita pergi. Itu memanglah, kalau macam Jom Heboh ke, kan. Kita pergi masuklah. Jadi, mana-mana ekspo-ekspo yang kerajaan negeri buat, kita akan masuk atau pun baik di dalam atau pun di luar negara. Itu terpulang kepada kita punya stok barang, kan. Kedua, masa kita, kan. Kalau tempahan dalam bulan *tu* (itu) terlampau banyak, kita *tak* (tidak) mampulah untuk keluar untuk membuat jualan dan kita lebih utamakan kepada tempahan...*okay* (baik)...

Atiqah: Adakah encik mendapat bantuan dan sokongan dari kerajaan dan industri dalam perusahaan tembikar?

S: Bab bantuan dan sokongan *tu*...kita mendapat bantuan daripada Kraftangan seperti latihan dan juga bantuan mesin-mesin dan juga berbagai bentuk kualiti produk...*mutu*.

Atiqah: Selain daripada *tu* (itu), ada badan-badan pertubuhan yang lain ke yang...?

S: Yang lain-lain, biasanya kalau FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan)...dia memberi kita bentuk...jualan baranganlah di pasar-pasar yang mereka...atau ekspo-ekspo yang mereka anjurkan.

Atiqah: Apakah usaha-usaha untuk mengkomersilkan industri seramik di Malaysia dan...dan luar negara?

S: Usaha-usaha yang telah kita hasilkan, kita akan memasuki ekspo-ekspo dan juga pameran-pameran yang dilaku...dianjurkan oleh pihak kerajaan...baik yang jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang. Yang paling lama, mungkin dalam masa enam bulan yang terdapat di Conlay di Kuala Lumpur. Kita akan memenuhi permintaan mereka dan juga yang jangka pendek iaitu dua hingga ke satu minggu.

Atiqah: Bagaimana kerajaan membantu dalam mempromosikan produk-produk tembikar?

S: Kerajaan biasanya...kerajaan membantu dalam promosi tembikar *ni* (ini), mereka akan memberi kita *booth-booth* (gerai-gerai) atau pun tapak-tapak pameran yang begitu...eloklah dan juga secara yang percuma.

Atiqah: Adakah encik berpuas hati dengan tahap pencapaian encik sehingga kini?

S: Buat masa *ni* (ini), saya masih dalam tahap biasalah dan ingin mencapai, menaiktarafkan lagi bentuk produk dan juga bengkel kita.

Atiqah: Apa...apa kesukaran yang pernah encik lalui sepanjang menjadi pembuat kraf?

S: Kesukaran yang pernah kita lalui iaitu tidak dapat memenuhi permintaan-permintaan daripada *customer* (pelanggan) lah...yang terlampau banyak dengan jangka masa yang begitu pendek.

Atiqah: Adakah encik pernah mendapat sebarang pingat, sijil dan anugerah serta pengiktirafan sama ada di Malaysia dan luar negara?

S: Buat masa ini, kami cuma pernah mendapat apa *ni* (ini)...anugerah...anugerah...apa *ni* (ini)...pembuatan barang-barang apa...labu yang bermutu tinggilah daripada Kraftangan Malaysia di Kuala Lumpur tahun

198...1996, tempat pertama dan juga kita mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Dalam Negeri iaitu tentang...apa *ni* (ini)..Kedai Harga Patut. Kita ada sijil di depan *tu* (itu), kan, kita dapat...dapat *tulah* (itulah), Harga Patut tentang pengeluaran barang-barang kraftangan kita. Buat kita punya pingat...buat masa *ni* (ini), takde lagilah, cuma kita dapat pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia.

Atiqah: Adakah penganugerahan itu memberi kesan dalam kerjaya encik?

S: Melalui penganu...penganugerahan Harga Patut, banyak daripada pelanggan-pelanggan kita telah datang ke kedai kita kerana mereka dapat tahu bahawa di dalam Internet, kan, terdapat satu kedai di Tanjung Bidara *ni* (ini) telah pun mendapat Harga Patut.

Atiqah: Bermakna di luar negara pun tahu jugalah?

S: Semua tahu melalui...apa *ni* (ini)...Internet.

Atiqah: Apakah ciri-ciri yang perlu ada untuk berjaya hingga ke tahap sekarang?

S: Ciri-ciri yang perlu ada untuk berjaya, yang pertama, kesabaran. Kesabaran untuk menghasilkan barang-barang kraf *ni* (ini) mesti melalui tahap yang begitu tinggi sekali. Kita tidak boleh...*give up* (putus asa) lah, kan, kecewa ke...*tu* (itu) yang pertama. Yang keduanya, kita *tak* (tidak) boleh berpuas hati dengan apa yang kita sedia...ada sekarang. Kita ingin meneruskan lagi...apa *ni* (ini)...kejayaan-kejayaan yang belum kita capai, kan. Jadi...yang ketiganya, kita mesti mendapat suatu...apa *ni* (ini)...kita punya kejayaan itu mesti mendapat apa *ni* (ini)...pengiktirafan daripada kerajaan dan juga masyarakat luar.

Atiqah: Jadi, yang *ni* (ini) pun memerlukan...macam kerajinan jugalah?

S: Kerajinan *tu* (itu) memang perlulah. Kita punya kerja pun memang *settle* (beres) dalam masa seminggu. Kita *takde* (tiada) cuti. Setiap hari, raya pun kita kerja, *bukak* (buka) kedai. Jadi, kalau kita perhatikan dalam kedai *ni* (ini) pun, sabtu ahad cuti, kan,

tapi (tetapi) bagi kami ini, *takde* (tiada) cuti. Terus *je* (sahaja) buat kerja. Kadang-kadang bila kita buat pembakaran, malam pun kita *bukak* (buka), kerja *jugak* (juga).

Atiqah: Biasa berapa jam buka kedai *ni* (ini)?

S: Kedai *ni* (ini) biasa kita *bukak* (buka) sembilan pagi hingga pukul enam petang. *Tapi* (tetapi), misalnya, kalau kita ada *overtime* (kerja lebih masa) ke untuk membuat pembakaran malam, kita buka sampai pukul dua pagi.

Atiqah: Kalau macam *overtime* (kerja lebih masa) *tu* (itu), pekerja-pekerja *tu* (itu) dibayar ke?

S: Kita kena bayar *diaorang* (mereka) punya hasil kerja sebelum *tu* (itu). *Tapi* (tetapi) kita tengok pada jenis kerja yang dilakukan, kan. Kalau ringan *tu* (itu), kita bagilah *sejam* (satu jam) dalam lima belas ringgit (RM15) ke, kan. Kalau kata kerja berat, dalam dua puluh ringgit (RM20) ke, macam ikut kerja yang *diaorang* (mereka) lakukan.

Atiqah: Adakah industri seramik mendapat sambutan yang menggalakkan terutama penglibatan generasi muda dalam bidang ini?

S: Setakat pada hari ini, memang sambutan menggalakkan terutama generasi muda melalui kursus-kursus dan juga...apa *ni* (ini)...latihan-latihan yang dilalui...dijalankan menggunakan apa *ni* (ini)...kursus tiga bulan yang kita lakukan sekarang *ni* (ini). Kebanyakannya, semua orang muda yang...yang melakukan kerja.

Atiqah: *Tapi* (tetapi), ada ke macam selain daripada yang muda *ni* (ini)...ada *ni* (ini) ke... macam...orang dewasa ke...orang yang bekerja *ni* (ini) ke?

S: Yang dewasa *ni* (ini)...yang dewasa *ni* (ini), susah untuk tarik kerana mereka *ni* (ini) mempunyai keluarga, kan, memang memerlukan masa yang sepenuh di rumah. Jadi, kadang-kadang dengan anak sekolah ke, kan, kadang-kadang bila cuti sakit, anak sakit. Kita *tak* (tidak) boleh...tumpu sepenuh pada kerja *ni* (ini), kan, kraf *ni* (ini).

Jadi, macam yang di...dikata, *diaorang* (mereka) mempunyai masa yang lapang, yang banyak, kan, jadi kita boleh tumpukan. Kerja-kerja *ni* (ini) memerlukan...apa *ni* (ini)...perhatian yang...yang sepenuhnya.

Atiqah: Soalan yang terakhir, apakah yang dilakukan oleh encik untuk menarik

perhatian generasi muda, maksud saya bagaimana menerap minat di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi untuk menceburi bid...industri seramik ini?

S: Yang pertamanya, kita...memerlukan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, yang mana kalau boleh...supaya bidang kraf *ni* (ini), *tak* (tidak) kira seramik ke, kayu ke, logam ke...apa kan...batik ke, diserapkan satu bidang khusus di sekolah-sekolah. Jadi, di situ, pelajar-pelajar, kan, baik sekolah rendah, sekolah menengah, kan, *diaorang* (mereka) *takde* (tiada) asas. Contohnya, *diaorang* (mereka) *takde* (tiada) asas macamana tanah liat digunakan, jenis apa tanah liat yang digunakan, jadi, teknik pembakaran asas, macamana teknik-teknik yang kita perlu ajar kepada mereka, kan. Bila *diaorang* (mereka) masuk sekolah menengah, kita boleh ajar lagi teknik yang lebih...lebih tinggi *sikit* (sedikit), kan. *Bila* (apabila) keluar, mereka dah ada pendedahan tentang seramik *ni* (ini) atau pun tembikar. Jadi, dengan...dengan *diaorang* (mereka) *nak* (hendak) kerja atau kursus dengan kita, *tak* (tidak) perlu kita ajar asas-asas *ni* (ini), mereka *dah* (sudah) ada asas. Kita terus yang lebih tinggi. Keduanya, kalau cuti sekolah, kita boleh upah bengkel-bengkel...bengkel kraf di stesyen kita, kan, jadi kita boleh pilih mana-mana pelajar-pelajar yang berminat untuk meneruskan *diaorang* (mereka) punya latihan selama enam bulan atau pun setahun setengah. Di situ, mereka boleh...boleh nampak...macamana belia-belie *ni* (ini), kan, meneruskan *career* (pekerjaan) mereka. Kemudian, kita tengok macam di UiTM (Universiti Teknologi MARA) sendiri, kan, terdapat juga pusat seramik, kan, latihan seramik. Jadi, itu pun *dah* (sudah) nampak. Tetapi apa...apa yang kita hairankanlah,

kan, kebanyakannya yang belajar di UiTM (Universiti Teknologi MARA) *tu* (itu), *diaorang* (mereka) *tu* kebanyakannya berfikiran *nak* (hendak) kerja kerajaan *je* (sahaja). *Diaorang* (mereka) *tak nak* (tidak hendak) fikir *nak* (hendak) buat bengkel sedangkan *diaorang* (mereka) ada ijazah, ada itu, kan, diorang *dah* (sudah) tahu, ada ilmu sepenuhnya dari A sampai Z buat seramik, kan. Apa salahnya kalau kerajaan bantu mereka *ni* (ini), bagi bengkel, bantuan bengkel, bagi bantuan mesin, kan...buat *diaorang* (mereka), bagi satu kilang seramik yang begitu berjaya untuk orang Melayu kita *ni* (ini). Kadang-kadang, kita keluar *je* (sahaja) dari universiti, ada ijazah, kan, *tak nak* (tidak hendak) kerjalah. Kadang-kadang, bukan bidang seramik yang *dimintaknya* (dimintanya), pergi *mintak* (minta) bidang ladang ke. Rugilah...rugi dari segi modal, kena keluar duit. Bagi asas seramik sampai ijazah, *tapi* (tetapi), *bila* (apabila) keluar daripada *U* (universiti), *diaorang* (mereka) pergi...pergi bidang lain *pulak* (pula). Jadi, *tak* (tidak) sama...*tak* (tidak) sama dia punya bidang *tu* (itu), kan. *Okay* (baik)...

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Encik Shamsudin yang telah banyak memberi maklumat kepada saya dan sedia bekerjasama untuk menyiapkan projek ini. Jadi saya ucapkan terima kasih dan Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

S: Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

SENARAI SOALAN

BAHAGIAN A

1. Boleh encik ceritakan di mana encik dibesarkan?
2. Apakah hobi dan kegemaran encik ketika masa lapang?
3. Apa yang encik suka lakukan ketika kecil-kecil *dulu* (dahulu)?
4. Bagaimana kehidupan sewaktu encik sebelum bekerja sebagai pembuat kraf? Senang atau pun susah?
5. Jadi, encik suka tak (tidak) dengan kehidupan ketika encik kecil-kecil *dulu* (dahulu)?
6. Boleh saya tahu cita-cita encik semasa kecil *dulu* (dahulu). Encik bercita-cita *nak* (hendak) jadi apa?
7. Berapa orang adik-beradik encik? Boleh encik ceritakan tentang mereka?
8. Jadi, boleh encik ceritakan secara ringkas tentang pendidikan encik dari awal hingga tahap pendidikan encik yang tertinggi yang encik capai?
9. Adakah kedua-dua ibu bapa encik berpuas hati dengan pencapaian encik di sekolah *dulu* (dahulu)?
10. Selama berapa tahun encik telah bekerja sebagai pembuat kraf?
11. *Nak* (hendak) tanya pendapat encik pula. Tentang kehidupan encik sebelum bekerja sebagai pembuat kraf dengan kehidupan encik sekarang *ni* (ini). Encik rasa *macamana* (bagaimana)?
12. Biasanya kejayaan hidup seseorang anak seperti encik *ni* (ini), dia diberi didikan dan galakan daripada ibu dan bapa. Adakah itu mempengaruhi kerjaya encik dalam bidang ini?

BAHAGIAN B

13. Boleh encik ceritakan apakah pekerjaan pertama yang encik peroleh selepas menamatkan sesi persekolahan?
14. Pada tahun bila encik mula berkecimpung dalam industri penghasilan seramik *ni* (ini)?
15. Waktu *tu* (itu) berapa umur encik?
16. Adakah itu mempengaruhi encik dalam penglibatan encik untuk menceburi kerjaya pembuat kraf ini?
17. Saya ingin tahu, boleh encik ceritakan satu demi satu tentang sejarah penubuhan premis perniagaan encik?
18. Boleh encik ceritakan tentang sejarah tembikar? Apa tujuan tembikar dicipta?
19. Sejak bila barangan tembikar mula digunakan?
20. Apakah kegunaan utama tembikar pada zaman dahulu? Bagaimana pula dengan reka coraknya?
21. Adakah peredaran zaman membawa sebarang perubahan dalam rupa bentuk, corak dan kegunaan tembikar?
22. Bagaimana pula dengan inovasi baru dalam industri tembikar? Adakah cara pembuatannya masih mengekalkan cara tradisional?
23. Apakah cabaran-cabaran yang encik tempuhi ketika awal penglibatan encik dalam menjadi pembuat kraf?
24. Boleh encik ceritakan pengalaman pahit dan manis yang encik telah lalui sepanjang menceburi bidang seramik sebagai pembuat kraf?
25. Apakah peristiwa yang sukar dilupakan dalam hidup encik dan menjadi kenangan encik hingga saat ini?

26. Apakah sumbangan encik dalam industri penghasilan produk-produk tembikar ini?

BAHAGIAN C

27. Apakah jenis perusahaan yang amat terkenal di daerah Kampung Gajah?

28. Daripada siapa encik mewarisi kemahiran membuat tembikar?

29. Apakah produk-produk keluaran *Deen Craft*?

30. Adakah encik masih mengekalkan ciri-ciri dan teknik pembuatan seramik secara tradisional?

31. Adakah bengkel *Deen Craft* menggunakan mesin dan peralatan moden dalam pengeluaran produk seramik?

32. Boleh encik ceritakan jenis-jenis tembikar di Malaysia?

33. Adakah bentuk dan rupa tembikar mengikut negeri dan lokasi pembuatannya?

34. Apakah tujuan penghasilan tembikar selain bertujuan untuk memenuhi kelengkapan dan keperluan?

35. Saya difahamkan terdapat beberapa jenis tembikar yang terkenal seperti Labu Sayong, Labu Pulau Tiga, Tembikar Tembeling dan Tembikar Mambong. Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang tembikar-tembikar ini?

36. Berapa jenis produk tembikar yang dihasilkan di bengkel *ni* (ini)?

37. Apakah perbezaan di antara Labu Sayong Kuala Kangsar dengan Labu Tanjung Bidara dan Labu Pulau Tiga Kampung Gajah?

38. Apakah teknik dan asas pembuatan tembikar?

39. Apa teknik terkini yang biasanya digunakan dalam penghasilan produk tembikar?

40. Apa tujuan pengujian dan berapa jenis teknik yang digunakan dalam penghasilan tembikar di Malaysia?

41. Boleh encik ceritakan proses pembuatan kraf seramik dengan lebih mendalam?

42. Apakah bahan utama penghasilan tembikar?

43. Di manakah bekalan tanah liat biasanya diperolehi?
44. Apakah jenis-jenis tanah liat yang biasanya digunakan dalam pembuatan tembikar tradisional?
45. Boleh encik ceritakan proses pembuatan Labu Pulau Tiga serta serba sedikit tentang tembikar-tembikar lain dengan menggunakan tanah liat yang tertentu?
46. Bagaimana pembuat tembikar membentuk tanah liat tu (itu)?
47. Boleh encik ceritakan tentang proses pembakaran tanah liat? Apa tujuan pembakaran ini?
48. Berapa cara pembakaran yang biasanya dilakukan oleh pengusaha tembikar tempatan?
49. Bagaimana dengan inovasi pembakaran tembikar?
50. Apa bahan yang digunakan dalam pembakaran terbuka?
51. Berapa peringkat dalam proses pembakaran secara terbuka?
52. Apa yang terjadi terhadap tembikar yang telah siap dibakar?
53. Apa lagi yang digunakan ketika membakar tembikar selain pembakaran secara terbuka?
54. Bilakah tanur batu-bata mula diperkenalkan? Apa bahan api yang digunakan ketika itu?
55. Apa peringkat-peringkat yang dilalui ketika proses pembakaran?
56. Berapa suhu ketika seramik dibakar? Adakah suhu pembakaran mengikut tembikar?
57. Apa tujuan sekam padi digunakan?
58. Bila tanur *ceramic fibre* mula diperkenalkan dan apa tujuannya?
59. Pintu tanur *tu* (itu) direka menggunakan apa dan tujuannya?
60. Apa bahan bakar utama yang digunakan oleh tanur *ceramic fibre* dan berapa lama masa yang diambil untuk setiap proses pembakaran?

61. Apakah *roller kiln* itu dan bila inovasi ini mula diperkenalkan?
62. Dari mana datangnya ilham dan idea reka bentuk *roller kiln* ini?
63. Apa tujuan tanur *roller kiln* ini dicipta?
64. Adakah proses pembuatan tembikar *tu* (itu) rumit?
65. Berapa orang pekerja yang bekerja di Deen Craft? Adakah semuanya mahir dalam menghasilkan produk tembikar di bengkel ini?
66. Apakah keistimewaan tembikar yang encik hasilkan berbanding tembikar yang lain?
67. Apakah fungsi tembikar selain menjadi hiasan?
68. Adakah produk tembikar seperti labu dikeluarkan dalam pelbagai warna?
69. Bagaimana encik mengukir dan menghasilkan corak pada tembikar? Adakah mengikut motif-motif corak tertentu yang biasanya terdapat pada tembikar?
70. Siapakah tokoh-tokoh tembikar yang encik kenali?
71. Bagaimana orang mengenali tembikar ini?
72. Bagaimana pelanggan boleh membeli atau menempah produk kraf seramik yang dikeluarkan oleh *Deen Craft*?
73. Untuk tempahan, adakah pelanggan perlu membayar wang pendahuluan?
74. Kebiasaannya, siapakah pelanggan yang mengunjungi *Deen Craft*?
75. Adakah tempahan labu mengikut kehendak pelanggan? Apakah warna labu yang biasanya ditempah oleh pelanggan?
76. Di manakah tembikar yang telah siap dipamerkan?
77. Adakah encik menghantar dan menjual produk-produk tembikar ke tempat lain?
78. Adakah produk tembikar keluaran encik mendapat sambutan di dalam dan luar negara?
79. Apakah produk tembikar yang paling banyak mendapat permintaan yang tinggi dari pelanggan luar dan dalam negara?

80. Jika di dalam negara Malaysia, negeri mana yang paling banyak membuat tempahan tembikar?
81. Selalunya negara luar di bahagian mana yang selalunya menempah produk tembikar dari encik?
82. Adakah encik pernah menyertai mana-mana aktiviti yang dianjurkan oleh pelbagai pihak, contohnya...macam ekspo...pameran?
83. Berapakah purata pendapatan yang encik perolehi dalam masa sebulan?
84. Adakah encik mendapat bantuan daripada mana-mana pihak untuk membangunkan industri seramik?
85. Di mana encik mendapatkan bimbingan dalam perusahaan tembikar?
86. Di manakah encik mendapatkan latihan dan kursus untuk mendalami industri pembuatan tembikar?
87. Apa tujuan kursus itu?
88. Bagaimana pula dengan kualiti kerja?
89. Adakah penghasilan tembikar encik pernah memasuki pasaran di dalam dan luar negara?
90. Apakah strategi pemasaran yang encik gunakan untuk meluas dan mengembangkan industri ini?
91. Yang corak-corak *tu* (itu) ada tambah lagi ke yang selain daripada macam guna corak yang...*tak* (tidak) boleh?
92. Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik dalam menjayakan industri pembuatan tembikar ini?
93. Adakah encik mendapat sokongan dan galakan dari pelbagai pihak?
94. Adakah sebarang masalah yang timbul sepanjang encik menceburi bidang pembuatan tembikar ini dan jika ada, bagaimana encik mengatasi masalah tersebut?

95. *Tapi* (tetapi) bagaimana kalau contohnya pelanggan *tu* (itu) dia buat...apa *ni* (ini)...macam dia...macam benda *tu* (itu) macam *last minute* (saat akhir) lah dia punya...*tu* (itu)?
96. Adakah encik bercadang untuk membuka cawangan di tempat lain selain bengkel *Deen Craft*?
97. Ada nama ke pusat latihan *tu* (itu)?
98. Pernahkah encik terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sebarang aktiviti-aktiviti yang dianjurkan...di dalam *ni* (ini)...dalam Perak *ni* (ini)...di...luar?
99. Adakah encik mendapat bantuan dan sokongan dari kerajaan dan industri dalam perusahaan tembikar?
100. Selain daripada *tu* (itu), ada badan-badan pertubuhan yang lain ke yang...?
101. Apakah usaha-usaha untuk mengkomersilkan industri seramik di Malaysia dan...dan luar negara?
102. Bagaimana kerajaan membantu dalam mempromosikan produk-produk tembikar?
103. Adakah encik berpuas hati dengan tahap pencapaian encik sehingga kini?
104. Apa...apa kesukaran yang pernah encik lalui sepanjang menjadi pembuat kraf?
105. Adakah encik pernah mendapat sebarang pingat, sijil dan anugerah serta pengiktirafan sama ada di Malaysia dan luar negara?
106. Adakah penganugerahan itu memberi kesan dalam kerjaya encik?
107. Bermakna di luar negara pun tahu jugalah?
108. Apakah ciri-ciri yang perlu ada untuk berjaya hingga ke tahap sekarang?
109. Jadi, yang *ni* (ini) pun memerlukan...macam kerajinan jugalah?
110. Biasa berapa jam buka kedai *ni* (ini)?
111. Kalau macam *overtime* (kerja lebih masa) *tu* (itu), pekerja-pekerja *tu* (itu) dibayar ke?

112. Adakah industri seramik mendapat sambutan yang menggalakkan terutama penglibatan generasi muda dalam bidang ini?
113. *Tapi* (tetapi), ada ke macam selain daripada yang muda *ni* (ini)...ada *ni* (ini) ke... macam...orang dewasa ke...orang yang bekerja *ni* (ini) ke?
114. Soalan yang terakhir, apakah yang dilakukan oleh encik untuk menarik perhatian generasi muda, maksud saya bagaimana menerap minat di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi untuk menceburi bid...industri seramik ini?

Log Wawancara

0.00	LATAR BELAKANG/BIODATA Tempat lahir beliau – Pulau Tiga Taraf perkahwinan – Berkahwin, seorang isteri, 9 anak Bilangan adik-beradik – 8 orang
5.08	SEJARAH PENDIDIKAN Pendidikan sekolah rendah – Sekolah Tanjung Bidara Pendidikan sekolah menengah – Sekolah Menengah Ungku Aziz, Sabak Bernam
6.22	KERJAYA SEBAGAI PEMBUAT KRAF Telah bekerja selama 26 tahun sebagai pembuat kraf sejak berumur lapan tahun
10.25	SEJARAH PENUBUHAN PREMIS PERNIAGAAN Warisan daripada satu generasi ke satu generasi selama ratusan tahun
11.26	SEJARAH DAN PENGGUNAAN TEMBIKAR Menceritakan sejarah awal tembikar dan seramik serta reka bentuk dan corak
17.36	CABARAN YANG DITEMPUHI Pernah ditipu oleh pelanggan dan menyebabkan kerugian Tidak dapat memenuhi permintaan yang terlalu banyak dalam masa yang singkat
3.02	PROSES PEMBUATAN LABU Tokoh menceritakan proses labu dibentuk, diwarnakan dan diukir dengan corak mengikut kreativiti supaya lebih menarik dan unik Penggunaan tanah liat yang berbeza Menggunakan motif bunga tampal dan tebuk
17.10	SAMBUTAN GOLONGAN BELIA Memberi pendedahan terhadap golongan muda tentang industri kraf di sekolah-sekolah Sambutan yang diberi oleh generasi muda terutama belia menggalakkan setakat ini tetapi masih terdapat kekurangan

INDEKS

A

Acuan 14, 16

Ahad 28

Air 2, 7, 11, 12, 13, 18, 20, 21, 30

Alam Semulajadi 20

Atap 14

B

Bata 17, 18

Batik 30

Batu 7, 17

Belanga 11, 12, 13

Bekas Telur 4

Belia 10, 25, 30

Bengkel 11, 13, 14, 19, 20, 24, 26, 27, 30, 31

Bidang Kayu 6

Bidang Ladang 31

Bidang Seramik 5, 8, 25, 31

Bilik Pameran 21

Biru 14

Bongsu 3

Booth 27

Brunei 22

Buluh 16

Bunga 7, 8, 11, 12, 13, 19, 20

Bunga Cengkih 20

Bunga Kekwa 7, 20

Bunga Paku-Pakis 7

Bunga Raya 7, 20

Bunga Rebung 7

Bunga Tampal 8, 12, 19

Busut 12, 15

C

Career 30

Celsius 14, 17, 18

Cenderamata 21

Ceramic Fibre 18

Cermin 7

China 7

Cina 15

Coklat 17

Conlay 9, 22, 27

D

Dapur Gas 16

Deen Craft 19, 20, 21, 26

Diesel 17

Dinner 24

E

Ekspo 9, 21, 22, 26, 27

F

Facebook 20

FAMA 21, 23, 25, 26

Fire Bricks 18

G

Gas 11, 16, 17, 18

Gelok 6, 7

Gold 8, 21

Grief 24

H

Hadiah 21

Hajah Hawa 20

Hajah Jamiah binti Ngah Salam 1, 6, 20

Hajah Kayah 1, 6, 20

Hajah Kayah binti Idris 1, 6

Hajah Rokayah 10

Hari Kraf Kebangsaan Aeon Conlay 22

Hitam 8, 11, 12, 13, 17, 20, 21

Hotel 22

I

Ijazah 31

India 12

Indonesia 22

Industri 5, 8, 10, 20, 21, 23, 24, 26, 27, 29, 30

Inovasi 8, 16, 18

Inspektor 2, 3

Institusi Pengajian Tinggi 30

Internet 28

Ipoh 3

J

Johor 8, 22

Jom Heboh 26

K

Kaca 24

Kampung Gajah 1, 3, 10, 13, 15, 26

Kampung Pulau Tiga 1

Kampong Tanjung Bidara 1, 20

Kari 12

Kayu 6, 16, 17, 30

Kedah 11

Kelantan 14

KEMAS 25

Kedai Harga Patut 28

Kementerian Dalam Negeri 28

Kementerian Kraftangan 21

Kementerian Pendidikan 30

Kementerian Perdagangan dan Kraftangan 9

Kerajaan Malaysia 28

Kerajaan Negeri 26

Kerbau 14

Kilang 31

Kiosk 21

Koko 8

Kontena 24, 25

Koperasi Industri Kampong Tanjung Bidara 20

Koperasi Industri Kampung Tanjung Bidara Bhd Angkasa 21

Kraftangan 5, 9, 10, 19, 21, 22, 23, 25, 26, 27, 28

Kraftangan Kuala Kangsar 5

Kraftangan Malaysia 23, 27

Kuala Kangsar 5, 8, 11, 13, 15, 20, 23

Kuala Lumpur 8, 9, 22, 23, 27

L

Labu 1, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 17, 20, 21, 24, 27,

Labu Air 11

Labu Hitam 8, 11, 12, 13

Labu Kunchor 11

Labu Panai 12

Labu Pulau Tiga 1, 8, 10, 12, 13, 15

Labu Sayong 5, 11, 13

Labu Tanjung Bidara 1, 10, 13

Lalang 16

Lampu Tido 5, 7, 11, 13, 22

Lisbon 9, 22

Logam 30

M

Madrid 9, 24

Malaysia 2, 8, 9, 11, 14, 22, 23, 24, 25, 27, 28

Mambong 12, 13

Mampat 14

MARDI 22, 25

Maroon 8, 21

Melaka 8, 22

Melayu 7, 31

Merah 11, 14, 15

Mesin Putaran 14

Mesir 9, 22

MOU 23

O

Open Fire 16

Overtime 29

P

Pameran 21, 22, 26, 27

Partition 11

Pasir 15

Pasu Bunga 11, 13

Pejabat Belia 25

Pejabat Daerah 25, 26

Pejabat Kerajaan 22

Pejabat Kraftangan 19

Pekerja 19, 24, 29
Pelajar 10, 30
Pembuat Kraf 1, 2, 4, 5, 6, 8, 10
Perak 1, 5, 15, 21, 26
Periuk 7, 11, 12
Perlis 11
Pinggan Mangkuk 24
Pisau 7
Portugal 9, 22, 24
Puan Hasnah 20
Pucuk Rebung 20
Pulau Tiga 1, 10, 12, 13, 15, 20
Pusat Latihan 26
R
Raya 28
R&R 21
Roller Kiln 18, 19
S
Sabak Bernam 3
Sabtu 28
Sabut 16
Salai 17
Sekam Padi 18
Sekolah Dato' Maharaja Lela 3
Sekolah Kebangsaan Tanjung Bidara 3

Sekolah Ungku Aziz 3

Selangor 12

Sepanyol 22, 24

Seramik 5, 8, 10, 11, 14, 15, 18, 20, 23, 25, 27, 29, 30, 31

Seramik Moden 5

Serbuk Kayu 16

Serdang 22

Shamsudin bin Hj Abd Majid 1

Singapore 22, 24

SIRIM 23

Slip Cutting 16

STPM 2, 3, 5

Sungai Perak 15

T

Tanah Busut 12

Tanah Liat 1, 4, 6, 14, 15, 16, 30

Tanah Liat Merah 14

Tanah Liat Putih 14

Tanah Melayu 7

Tanah Merah 11

Tanah Sungai 12

Tanjung Bidara 1, 3, 10, 12, 13, 15, 20, 28

Tanur 16, 17, 18, 19

Tanur Batu-Bata 17

Tanur Ceramic Fibre 18

Tanur Roller Kiln 19
Tebuk 8, 11, 19
Teknik Picit 14
Tembeling 12, 13
Tembikar Mambong 12
Tembikar Tembeling 12
Tepak 7, 13
Terra Cotta 8
Tingkatan Dua 3
Tingkatan Enam 2, 3, 5
Tingkatan Lima 3
Tradisional 8, 11, 15
Trawl 14
Tuan Zamari @ Zamri 20

U

UiTM 30, 31
Ulu Bernam 21
Universiti 31
Upper Swift 16
US 24

W

Website 21

Z

Zaman Batu 7

LAMPIRAN

Gambar Wawancara



Wawancara bersama tokoh pembuat kraf, Encik Shamsudin bin Hj Abd Majid



Bergambar bersama tokoh, Encik Shamsudin, anak lelaki dan ibunya, Hajah Jamiah binti

Ngah Salam

Keratan akhbar



Gambar kanan: Allahyarham Hajah Kayah (nenek kepada Encik Shamsudin) meninggal dunia ketika berusia 130 tahun telah mengusahakan industri ini lebih 100 tahun



Antara penghargaan yang diterima



Penghargaan daripada UiTM Seri Iskandar, Perak

Di bengkel Encik Shamsudin





Anak Encik Shamsudin sedang membuat bunga tampal di pasu

Dapur pembakaran atau tanur menggunakan gas



Peralatan untuk membentuk labu dan paku



Produk-produk kraftangan dan juga untuk tempahan









Corak bunga tampal



Corak tebuk

Mengadakan pameran kraf di Mesir







ANGKATAN KOOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
ANGKASA

SIJIL KEAHLIAN

Adapun dengan ini dipertahankan bahawa

Empunya **INDUKSI KAMPUNG TANJUNG BIDARA PULAU TIGA**

BERIKUT

Merupakan kepunyaan **100%**

yang diserahkan kepada **DR. MOHAMMAD SUKRI AB. MAJID**

7-18, Kampong Tanjung Bidara, 30000 Kampong Bidara, Perak

Untuk dipertahankan sebagai **SIJIL KEAHLIAN** seperti berikut:

Merupakan **SIJIL KEAHLIAN** yang diterbitkan oleh

Angkatan **100%**



DR. MOHAMMAD SUKRI AB. MAJID
Yang Dipertahankan

Angkatan **100%**

DR. MOHAMMAD SUKRI AB. MAJID

Anugerah Kedai Harga Patut





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA Kelantan dengan ENCIK SHAMSUDIN BIN HJ ABD MAJID

Pada 26 MEI 2013

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA Kelantan untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari 26/5/2013 (tarikh). Dipersetujui pada 26/5/2013 oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA Kelantan

Bil. Koop. 5727/1



Bil. Daftar KOOP.

DAERAH NO:101.

Perakuan Pendaftaran

BAGI

KOPERASI INDUSTRI KAMPUNG TANJONG BIDARA,

PULAU TIGA BERHAD.

Saya, HAJI ABDUL AZIZ BIN ABDUL WAHAB

Ketua Pendaftar Koperasi, Malaysia, dengan ini memperakui di

bawah seksyen 9 Ordinan Koperasi 1948, bahawa KOPERASI

INDUSTRI KAMPUNG TANJONG BIDARA, PULAU TIGA BERHAD

adalah didaftarkan pada hari ini di bawah Ordinan Koperasi
bilangan 33 tahun 1948.

Undang-undang Kecil Koperasi tersebut adalah juga didaftarkan
pada hari ini.

Diperbuat dengan perintah dan dimeterikan dengan mohor Ketua
Pendaftar pada hari ini.

DUA PULUH LAPAN

kurribulan NOVEMBER, tahun seribu sembilan ratus

lapan. PULUH TIGA.

Salinan disahkan benar

ABD. RAHMAN BIN HJ. ASMUNI

(HAJI ABDUL AZIZ BIN ABDUL WAHAB)

Ketua Pendaftar Koperasi,


Malaysia

Isi Kandungan

Sejarah Tembikar	1
Jenis-jenis Tembikar	2
Teknik dan Asas Pembuatan Tembikar	9
Teknik Pembuatan Tembikar di Malaysia	10
Proses Pembakaran	13
Inovasi Pembakaran Tembikar	14
Jenis-jenis Tanah Liat Dalam Pembuatan Tembikar Tradisional	16
Tokoh-tokoh Tembikar	18
Bentuk-bentuk Tembikar	21
Motif-motif Tembikar	23

Edisi Pendidikan

Tembikar Malaysia





Introduction

Pengenalan

The art of making ceramic handicraft is an invaluable part of the Malay people's traditional heritage, embodying their heart and soul. The intricate and elegant craftsmanship holds major attraction and it is proudly cherished by many Malaysians. To uphold the cultural inheritance, Deen Craft, owned by Encik Shamsuddin bin Hj. Abdul Majid, dedicates itself to produce high quality and variety of types, shapes and sizes of ceramic products, aimed to fulfill customer's want. With new technique and contemporary production process, the traditional aspects of ceramic productions are ensured and maintained to suit the market fulfillment.

Seni pembuatan kraftangan seramik merupakan salah satu daripada warisan turun temurun masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Keindahan dan kehalusan seni halus buatan tangan produk kraf ini merupakan tarikan utama yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.

Dalam usaha mengekalkan warisan budaya ini, Deen Craft yang dimiliki oleh Encik Shamsuddin bin Hj. Abdul Majid berusaha menghasilkan pelbagai produk seramik yang bermutu tinggi dan beraneka bentuk bagi memenuhi citarasa pelanggan. Pengekalan ciri - ciri tradisional dan penerokaan teknik - teknik baru dan kontemporari dalam proses pembuatan seramik turut disuaipadankan agar produk kraf ini sentiasa memenuhi kehendak pasaran.

USIRMSA

1110





How To Get There?

Bagaimana Ke sana?

It is easy to visit Deen Craft. If you go through the South Expressway (PLUS) from south, make an exit at the Gopeng Toll Plaza and go to Batu Gajah - Tronoh - Sri Iskandar - Bota Kanan and then turn left to Kg Gajah. If you take the North South Expressway (PLUS) from north, turn to exit at the Kuala Kangsar Toll Plaza and go to Kuala Kangsar - Manong - Parit - Bota Kanan and then to Kg Gajah. Deen Craft is located at the Koperasi Industri Kampung (KIK) building in Tanjung Bidara, Kg Gajah, Perak.

It is very easy to visit Deen Craft. If you come from the South Expressway (PLUS) from the south, you only need to exit at the Gopeng Toll Plaza and continue the journey through Batu Gajah - Tronoh - Sri Iskandar - Bota Kanan and turn left for Kampung Gajah. If you come from the North South Expressway (PLUS) from the north, you only need to exit at the Kuala Kangsar Toll Plaza and continue the journey through Kuala Kangsar - Manong - Parit - Bota Kanan and then continue to Kampung Gajah. Deen Craft is located at the Koperasi Industri Kampung (KIK) building in Tanjung Bidara, Kampung Gajah, Perak.






Products By Deen Craft

Produk Keluaran Deen Craft

Deen Craft produces multiple range of products, among others black vase which is used to store drinking water, decorative pots, the pahar flower, souvenir items for weddings, corporate gifts and other various products made to customer's order.

Produk kraftangan keluaran Deen Craft merupakan produk – produk seramik pelbagai guna seperti Labu Air Hitam yang boleh digunakan untuk menyimpan air, pasu – pasu hiasan, pinggan pahar, Labu Cenderamata untuk kegunaan sebagai ole-ole perkahwinan, korporat dan lain – lain produk seramik mengikut permintaan pelanggan.







Deen Craft Developing Business

Deen Craft Perniagaan Berdaya Maju

Started as a family business, Deen Craft has developed and grown through different phases to be in better business. Deen Craft currently employs a manager, an assistant manager and skilled artisans. Deen Craft Workshop is well equipped with modern machinery to run continuous productions.

Dari perniagaan berasaskan keluarga, Deen Craft telah berkembang dan bertukar wajah ke perniagaan yang lebih berdaya maju. Deen Craft kini memiliki seorang pengurus, pembantu pengurus dan dibawahnya terdapat 5 orang pekerja mahir dalam pembuatan barangan seramik. Bengkel Deen Craft juga dilengkapi dengan pelbagai mesin dan peralatan moden bagi memudahkan pengeluaran produk seramik secara berterusan.













CERAMIC CRAFT Production Process Proses Pembuatan kraf Seramik

The ceramic craft production starts with the choosing of fine clay which is later processed in accordance with proper production techniques. The product is shaped and finished with the surface being decorated with traditional and contemporary motifs such as the surrounding natural and abstract figures. The product is dried before being heated in a kiln. The black-coloured traditional ceramic product is heated at 850 - 900 c and then kept in rice husk. While the coloured and terracotta ceramic product is heated at 1000 - 1100 c and cooled in the kiln by itself.

Cara pembuatan produk kraf seramik bermula dari pemilihan tanah liat yang diproses mengikut kesesuaian teknik pembuatan. Produk yang telah selesai dibentuk dibuat kemasan dan dihias permukaannya dengan motif - motif tradisional dan kontemporari seperti motif alam semulajadi ataupun abstrak. Selepas selesai, produk dikeringkan sepenuhnya sebelum proses pembakaran menggunakan tanur pembakaran gas. Bagi pembakaran hiasan hitam tradisional produk seramik biasanya dibakar pada suhu 850 - 900 c dan kemudian dimasukkan ke dalam sekam padi. Manakala bagi pembakaran hiasan warna dan terracotta produk seramik dibakar pada suhu 1000 - 1100 c dan kemudian dibiarkan sejuk di dalam tanur.





Sales And Order Tempahan dan Jualan

Today, Deen Craft's clients are from various sectors, including government, private and individual. Most of the ceramic products made by Deen Craft are purchased for souvenirs, decorative purposes and for daily use. Those interested to buy or place an order, you can go to Deen Craft Workshop or contact Encik Shamsuddin at Kampung Tanjung Bidara, Kampung Gajah, Perak. Deen Craft is ready to receive your visit and order.

Hari ini, pelanggan Deen Craft terdiri daripada pelbagai sektor kerajaan, swasta, dan orang perseorangan. Kebanyakan produk kraf seramik keluaran Deen Craft ditempah untuk dijadikan cenderamata, barang hiasan dan juga untuk kegunaan harian.

Bagi mereka yang berminat untuk membeli atau membuat tempahan, anda bolehlah datang terus ke bengkel Deen Craft atau menghubungi Encik Shamsuddin di Kampung Tanjung Bidara, Kampung Gajah, Perak. Deen Craft sedia menerima kunjungan dan tempahan dari anda.



Sejarah Tembikar

Sejarah telah membuktikan bahawa seni tembikar ialah hasil pertukangan yang paling awal dikesan dalam perkembangan tamadun manusia. Ia dicipta bagi memenuhi keperluan asas dalam kehidupan harian dan keperluan rohaniah.

Tembikar mula digunakan di negara ini sejak zaman Neolitik lagi. Ini dibuktikan dengan penemuan di beberapa tempat seperti di Gua Cha (Kelantan), Bukit Tengku Lembu (Perlis), Ulu Tembeling (Pahang) dan Gua Niah (Sarawak). Kegunaan utama tembikar purba ini adalah untuk keperluan seharian seperti memasak dan menyimpan makanan di samping dijadikan bekas untuk mengisi air. Reka corak yang mudah dan ringkas seperti garisan dan lorekan menjadi ragam hias pada permukaan tembikar purba.

Peredaran zaman memperlihatkan perubahan di dalam rupa bentuk, ragam hias serta kegunaan tembikar. Bentuk-bentuk yang lebih sesuai seperti periuk, belanga, alat kukus diperkemas dan diperhalus buatannya. Motif-motif hiasan yang berunsurkan flora dan fauna, tulisan khat, abstrak serta geometrik digubah menjadi hiasan menarik pada permukaan tembikar. Perubahan ini menjadikan tembikar bukan sahaja dapat memenuhi keperluan harian tetapi juga sesuai dijadikan sebagai hiasan dalaman untuk ruang rumah, ruang pejabat dan sebagainya.

Penemuan inovasi baru dalam industri tembikar membantu meningkatkan pengeluaran dan seterusnya membangunkan industri tembikar itu sendiri. Namun demikian, pembuatan secara tradisional yang menggunakan tangan terus diusahakan terutamanya oleh pembuat-pembuat tembikar tradisional bagi memenuhi permintaan pasaran di samping terus memulih dan memelihara seni tembikar warisan negara.




Labu Pulau Tiga

Jenis-jenis Tembikar

Tembikar di Malaysia mempunyai pelbagai bentuk dan rupa yang mengikut negeri dan lokasi pembuatannya. Setiap tembikar mempunyai keunikan masing-masing yang menunjukkan identiti pencipta tembikar atau daerah pengeluarannya. Selain bertujuan bagi memenuhi kelengkapan dan keperluan, seni pembuatan tembikar menyerlahkan identiti juga kebudayaan masing-masing.



Labu Sayong




Tembikar Mambong



Tembikar Kuron



Tembikar Tembeling



Pasu Iban



Tembikar Kechor

Labu Sayong

Mukim Sayong yang terletak dalam daerah Kuala Kangsar, Perak sinonim dengan pengeluaran tembikar tradisional dikenali sebagai labu Sayong. Labu yang berwarna kehitaman ini mempunyai rupa bentuk yang diilhamkan daripada buah labu. Setelah dibentuk labu dibakar pada suhu dan jangka masa yang ditetapkan. Labu yang masih panas dimasukkan ke dalam timbunan sekam padi. Warna labu bertukar menjadi kehitam-hitaman. Dahulu labu hitam ini dijadikan sebagai bekas menyimpan air minuman kerana dipercayai bahawa air yang disimpan di dalam labu Sayong ini mempunyai khasiatnya yang tersendiri.

Labu Pulau Tiga

Labu Pulau Tiga diambil bersempena dengan tempat asal pembuatannya iaitu di Kg. Pulau Tiga, yang terletak dalam mukim Kampung Gajah, Perak. Labu yang berwarna kemerahan ini dihiasi dengan corak bunga timbul atau bunga tampal. Labu yang telah siap dibentuk dibakar menggunakan teknik bakar merah. Labu yang telah dibakar dibiarkan sejuk di dalam tempat pembakaran. Dahulu labu ini digunakan sebagai bekas menyimpan air minuman. Pada masa sekarang pengguna lebih gemar menjadikan labu ini sebagai hiasan sahaja.



Labu Sayong

Tembikar Tembeling


Tembikar Tembeling masih diusahakan hingga kini di Kg. Pasir Durian yang terletak dalam mukim Kuala Tembeling, Jerantut, Pahang. Hasil warisan seni tangan ini memperlihatkan bentuk yang menarik dan indah. Terenang umpamanya, mempunyai persamaan dengan produk yang diperbuat daripada logam khususnya tembaga. Perusahaan tembikar Tembeling turut menghasilkan belanga, bekas perasapan dan tempayan. Barangan ini digunakan untuk memasak, menyimpan air ataupun untuk tujuan adat serta keagamaan.



Terenang

Tembikar Mambong

Tembikar Mambong mempunyai sedikit perbezaan daripada tembikar tradisional lain. Tanah liat yang digunakan untuk membuat tembikar ini dicampur dengan pasir-pasir halus yang secara tidak langsung menyebabkan terdapat kilauan pada tembikar yang dihasilkan. Tembikar Mambong juga mendapat namanya dari tempat ianya dibuat iaitu di Kampung Mambong, Kuala Krai, Kelantan. Belanga, periuk, buyung, kukusan dan bekas perasapan adalah di antara produk yang dihasilkan.




Periuk



Tembikar Kechor

Perlis pada suatu masa dahulu juga tidak ketinggalan dalam perusahaan seramik kerana faktor kesesuaian tanahnya. Perusahaan ini dipercayai bermula sekitar tahun 1820 dan diperkenalkan oleh sepasang suami isteri, Tok E Chu dan Tok Tinggi, yang berasal dari Setol, Selatan Thailand.


Kemahiran membuat tembikar telah diajar kepada penduduk-penduduk Kampung Kechor. Sejak itu perusahaan membuat tembikar semakin berkembang dan menjadi pekerjaan sampingan penduduknya selain daripada bertani.



Tembikar Kechor

Tembikar Sungai Dua


Kampung Alor Merah, Sungai Dua di Seberang Perai, Pulau Pinang pada suatu ketika dahulu pernah menjadi tempat perusahaan tembikar. Walaupun asal-usul pembuatannya tidak dapat dikesan, namun perusahaan tembikar di sini berkembang pesat. Dipercayai periuk dan belanga yang dihasilkan oleh pembuat tembikar di daerah ini mempunyai persamaan dengan hasil tembikar yang diusahakan oleh masyarakat India.



Tembikar Sungai Dua

Nuan

Nuan atau pasu Iban adalah tembikar tradisional yang diusahakan oleh masyarakat Iban di Sarawak. Proses pembuatan nuan mempunyai persamaan dengan cara pembuatan tembikar di Semenanjung. Nuan menjadi peralatan utama semasa sambutan hari perayaan, upacara pemujaan dan adat istiadat termasuk semasa pengebumian. Selain daripada itu tembikar Iban turut dijadikan sebagai bekas untuk mewarna benang yang digunakan dalam tenunan kain pua atau pua kumbu.




Nuan


Kudin dan Tuning

Masyarakat Kelabit yang tinggal di Tanah Tinggi Bario dan masyarakat Lun Bawang yang tinggal di Lawas dan Bakelalan turut mempunyai kemahiran membuat tembikar tradisional. Dua jenis tembikar yang diusahakan iaitu kudin dan tuning.

Kudin berbentuk seperti periuk bersaiz besar dan digunakan oleh masyarakat Kelabit untuk mengisi tuak dan memasak nasi. Tuning pula bersaiz lebih kecil dan digunakan untuk memasak sayur-sayuran atau lain-lain masakan.




Kudin



Tuning

Lapohan


Masyarakat Bajau Semporna bukan sahaja mahir dengan warisan kraf lepa-lepa malahan mereka juga mewarisi kemahiran membuat kraf tembikar seperti dapur tanah yang dipanggil lapohan. Selain itu, mereka juga berkemahiran membuat barangan tembikar lain seperti periuk, bekas air, belanga (lupo') dan bekas perasap (tutungan).



Lapohan

Kuron

Tembikar kuron adalah warisan tradisi masyarakat Kadazan Dusun yang menetap di Kg. Melangkap, Kota Belud, Sabah. Tanah yang terdapat di kawasan Kota Belud amat sesuai digunakan untuk membuat Kuron. Kuron digunakan untuk memasak dan menyimpan makanan.



Kuron

Teknik & Asas Pembuatan Tembikar

Kaedah pembuatan tembikar tradisional di Malaysia tidak banyak berbeza terutama tentang penggunaan bahan dan proses penyediaannya. Bahan asas tembikar iaitu tanah liat dicampur dengan air pada nisbah yang tertentu bagi memudahkan proses menguli.

Pengulian dilakukan untuk beberapa ketika bagi memastikan tidak ada gelembung udara terperangkap. Beberapa teknik digunakan dalam membentuk tanah liat antaranya teknik picit cubit dan teknik lingkaran. Teknik sepuhan adalah yang terkini dan biasanya menggunakan bahan sepuh bersuhu tinggi dan dibakar menggunakan tanur elektrik atau gas.



Teknik picit cubit

Teknik Pembuatan Tembikar di Malaysia

10

Teknik lingkaran dan picit-cubit adalah antara teknik pembuatan tembikar yang digunakan secara meluas terutama di Semenanjung Malaysia. Manakala teknik melepa digunakan oleh pembuat tembikar di Sabah dan Sarawak.


Tanah liat yang menjadi bahan utama dalam pembuatan tembikar diperolehi dari kawasan bendang atau tebing-tebing sungai. Tanah tersebut dijemur sehingga kering sebelum ia ditumbuk halus. Kemudian tanah dibersihkan daripada campuran sampah sarap atau bahan-bahan yang tidak diperlukan. Seterusnya air dicampurkan dan digaul bersama tanah. Akhir sekali tanah diuli sehingga adunan tanah sehati. Selepas siap diuli, tanah liat dibentuk menjadi barangan yang diperlukan dengan menggunakan teknik lingkaran, picit-cubit atau melepa.

Pembuat tembikar membentuk tanah liat sedikit demi sedikit dengan teliti sehingga menjadi barangan yang diperlukan. Setelah itu, kerja-kerja kemas dan menghias tembikar dilakukan. Tembikar yang telah siap, dibiarkan kering dan kemudian dibakar menggunakan teknik pembakaran terbuka atau tanur dedah. Tembikar yang telah dibakar dibiarkan sejuk sebelum digunakan.


Teknik Picit Cubit




1
Ibu jari kanan ditekan ke dalam bebola tanah liat yang diletak di telapak tangan.




2
Jari ditekan ke arah dinding pasu yang dibentuk.




3
Tanah liat dipicit dengan jari tangan untuk membentuk pasu.



4
Dinding pasu diratakan dan dinipiskan sehingga $\frac{1}{4}$ inci.




5
Genggaman tangan dirapatkan secara perlahan untuk membentuk badan pasu.




6
Pasu diletakkan di atas permukaan rata untuk melepaskan bahagian tapak.

Teknik Lingkaran




Tanah yang telah diproses diuli.




Tanah liat kemudiannya diratakan dengan alat penggelek atau botol.



Acuan kadbod diletakkan di atas kepingan tanah liat dan dipotong dengan pisau atau dawai tajam untuk penyediaan tapak tembikar.




Tanah liat berukuran 1 inci lebar dipicit dan digelek dengan jari untuk membuat lingkaran. Langkah ini diulangi untuk penyambungan tanah liat.




Lingkaran pertama diletakkan pada bahagian tapak.



Slip (tanah cair) disapukan pada lingkaran yang telah digoreskan sebelum penyambungan dibuat.




Lingkaran pertama diletakkan di atas bahagian dasar.



Alat penepek diketuk pada permukaan tembikar untuk proses pembentukan.

Proses Pembakaran

Selepas sesebuah produk daripada tanah liat dibentuk, proses membakar perlu dilakukan. Pembakaran ini bertujuan supaya produk tembikar menjadi keras. Terdapat dua cara pembakaran yang biasa dilakukan oleh pengusaha tembikar tempatan iaitu pembakaran secara terbuka (cara tradisional) dan pembakaran menggunakan tanur. Tanur atau dapur tersebut menggunakan elektrik, gas atau pun minyak.



Tanur Binaan Batu-bata.

Inovasi **Pembakaran Tembikar**

Pembakaran Secara Terbuka

Sabut, pelepah kelapa, kayu, buluh, daun pisang dan rumput-rumput kering digunakan sebagai bahan dalam pembakaran terbuka. Proses pembakaran produk ini terbahagi kepada dua peringkat iaitu menyalai dan membakar.

Produk-produk yang telah siap dibentuk disusun di atas para dan disalai selama lebih kurang enam jam, sehingga warna tembikar bertukar menjadi kelabu tua dan kemerahan. Selepas disalai barulah proses pembakaran secara terbuka dilakukan. Bahan-bahan bakar ditimbun menutupi produk-produk yang telah disalai dan dibakar selama lebih kurang dua jam.

Tembikar yang telah dibakar sama ada dibiarkan sehingga sejuk sebelum dikeluarkan dari tempat pembakaran atau dikeluarkan semasa masih panas. Labu sayong dikeluarkan terus dari tempat pembakaran dan dimasukkan ke dalam sekam padi atau habuk kayu semasa ia masih panas. Kesan daripada proses ini menyebabkan labu sayong berwarna hitam.

Tanur Binaan Batu-Bata

Tanur batu-bata mula diperkenalkan pada tahun 1980-an. Bahan api yang digunakan pada masa tersebut adalah kayu api ataupun minyak diesel. Sewaktu pembakaran, produk tembikar disusun di dalam tanur dengan muncungnya menghala ke arah pintu tanur.

Dalam pembakaran peringkat pertama, api dinyalakan perlahan selama empat jam dan pada peringkat kedua pula suhunya ditingkatkan kepada 850°C selama dua jam. Setelah selesai pembakaran, labu dikeluarkan dengan penjolok melalui pintu tanur dan dimasukkan ke dalam sekam padi supaya menjadi hitam.


Tanur *Ceramic Fibre*

Tanur ini mula diperkenalkan pada tahun 2001 dan direka khusus untuk pembakaran labu hitam. Pintu tanur ini direka menggunakan *ceramic fibre* dan juga *fire bricks*. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan pintu dibuka dan ditutup. Tanur ini turut dilengkapi dengan penyukat suhu digital untuk mengesan suhu dalam tanur. Gas digunakan sebagai bahan bakar utamanya dan setiap proses pembakaran mengambil masa lapan jam.

Roller Kiln

Pada Mei 2007, roller kiln - inovasi baru bagi pembakaran labu Sayong telah diperkenalkan. Reka bentuk yang diilhamkan dari tanur pembakaran *decāl* ini dihasilkan oleh Kraftangan Malaysia Cawangan Perak. Idea daripada tiga proses pembakaran iaitu menyalai, membakar dan mewarna telah digabungkan dalam penciptaan teknologi ini.

Tanur ini dicipta dengan ciri-ciri keselamatan dan kawalan suhu yang seragam di samping mengurangkan kos operasi. Roller kiln berupaya membakar produk tembikar pada kuantiti yang banyak dan secara tidak langsung mengurangkan penggunaan bahan bakar. Selain daripada itu kualiti setiap produk seragam dan dapat dikawal selia dengan mudah.



Roller Kiln

Jenis-jenis Tanah Liat Dalam Pembuatan Tembikar Tradisional

Tanah berfungsi sebagai bahan utama dalam pembuatan tembikar tradisional tanpa sebarang olahan atau campuran bahan kimia. Namun begitu, kebiasaannya pengusaha tembikar akan membuat beberapa penambahan kepada kandungan tanah liat mengikut kesesuaian proses pembentukan.

Labu Sayong & Pulau Tiga

Tanah liat yang digunakan untuk proses membuat labu Sayong diambil dari kawasan tebing sungai, sawah, tanah busut dan tanah kebun. Manakala labu Pulau Tiga pula menggunakan tanah liat yang diambil dari tebing sungai dan tanah busut. Tanah liat dikeringkan, ditumbuk dan diayak. Tanah liat dicampur dengan air sehingga sehati dan diperap sebelum ditempa untuk membuat sesuatu produk.

Tembikar Tembeling

Tanah liat yang digunakan untuk pembuatan tembikar Tembeling diambil dari tanah hutan atau tanah busut. Tanah liat dipilih dengan teliti, kemudian direndam dalam air dan ditapis. Tanah tersebut ditumbuk terlebih dahulu sebelum diuli dengan tangan.

Tembikar Mambong

Tembikar Mambong pula menggunakan tanah yang diambil dari tebing sungai atau tanah kebun. Tanah diperap di dalam kotak kayu dan dicampur dengan pasir sungai. Setelah itu tanah yang bercampur pasir ditumbuk sehingga sehati dan kemudian barulah diuli dengan tangan.

Tembikar Sungai Dua

Tembikar Sungai Dua pula menggunakan tanah liat yang diambil dari sawah dicampur dengan tanah yang diambil dari tebing parit atau sungai. Tanah tersebut berwarna kehitaman seperti simen serta dicampur dengan tanah sawah pada nisbah 2:1. Tanah liat dilonggokkan di atas daun pisang dan ditutup dengan daun kelapa. Tanah tersebut diuli dengan kedua-belah kaki sambil membuang bendasing yang terdapat di dalam tanah liat.

Tembikar Kechor

Berbeza dengan tembikar Sungai Dua, tembikar Kechor menggunakan tanah liat yang diambil dari tebing sungai. Tanah liat diuli di dalam perahu lama, lalu dicampur dengan air dan pasir sebelum dilumat menggunakan kaki.



Mendapatkan tanah liat untuk membuat Tembikar Mambong

Tokoh-tokoh Tembikar



Encik Zamari @ Zamri Bin Pandak Ahmad

Seorang tokoh dalam penghasilan labu Sayong yang disegani ramai ialah Encik Zamri Pandak Ahmad dari Kampung Kepala Bendang di daerah Kuala Kangsar, Perak. Beliau dilahirkan pada 16 November 1942 dan memperolehi kemahiran membuat labu Sayong pada umur 15 tahun dan mewarisi kemahiran daripada keluarganya. Zamari sentiasa mengasah kreativiti dengan menghasilkan reka bentuk dan reka corak

mengikut kehendak semasa. Namun begitu, beliau masih membentuk labu sayong menggunakan tangan.

Kemahiran beliau mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar negara antaranya anugerah "Seal of Excellence" oleh UNESCO AHPADA 2002. Pada tahun yang sama juga beliau dijemput oleh kerajaan Jepun untuk mengadakan demonstrasi pembuatan labu Sayong di Nagoya, Jepun dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA. Pada tahun 2007 Kraftangan Malaysia telah melantik beliau sebagai ADIGURU KRAF LABU SAYONG.

Noriah Binti Mohd. Ali

Puan Noriah yang berkemahiran menghasilkan tembikar Tembeling dilahirkan pada 19 Oktober 1934 di Kg Pasir Durian. Beliau telah mewarisi kemahiran pembuatan tembikar ini daripada ibu mertuanya, Pn. Sepian Mat Amin.

Puan Noriah sering menerima jemputan untuk mengadakan demonstrasi pembuatan tembikar. Beliau memberikan komitmen sepenuhnya kepada bidang pembuatan tembikar ini kerana minat dan kecintaannya yang mendalam. Beliau terus gigih mengusahakan kemahiran warisan ini. Tempahan yang diterima disiapkan seperti mana yang diperlukan oleh pelanggannya. Sokongan dan kerjasama dari beberapa agensi serta individu menguatkan lagi semangat Puan Noriah untuk terus memulih dan memelihara seni tembikar tradisional negeri Pahang ini.

Pada tahun 2006 Kraftangan Malaysia telah melantik beliau sebagai ADIGURU KRAF TEMBIKAR TEMBELING.





Andah Anak Lembang

Pasu Iban telah diusahakan sejak turun-temurun oleh kaum Iban di Sarawak. Seorang tokoh dalam pembuatan pasu tradisional ini ialah Andah Anak Lembang. Dilahirkan di kawasan pedalaman Batang Ai iaitu Nangga Sumpa. Sebelum bergiat dalam seni pembuatan pasu Iban, beliau pernah bekerja di laut selama tujuh tahun. Namun, oleh kerana minat, beliau sanggup berhenti kerja dan mempelajari kemahiran pembuatan pasu Iban daripada neneknya, Pundut Anak Nam. Andah adalah seorang yang amat mementingkan kualiti dalam setiap hasil kerjanya. Jadi tidak hairanlah jika beliau amat berpegang teguh kepada segala pantang larang semasa membuat pasu Iban.

Andah telah berkecimpung dalam pembuatan pasu Iban ini selama lebih 20 tahun. Bermula dengan pembuatan pasu Iban secara sambilan, beliau mula yakin bahawa dengan kemahiran yang ada beliau boleh melangkah lebih jauh lagi. Pada tahun 1987 beliau bertekad mengusahakan pasu Iban secara sepenuh masa.

Pada tahun 2006, Kraftangan Malaysia telah melantik Andah sebagai ADIGURU KRAF PASU IBAN.

Puan Hawa Binti Ngah Salam


Selain daripada labu sayong, negeri Perak turut terkenal dengan pengeluaran labu tradisional Pulau Tiga. Tokoh yang masyhur dalam pembuatan pasu ini ialah Puan Hawa yang dilahirkan di Kampung Changkat Manggis, Kampung Gajah, Perak pada tahun 1934. Kemahiran ini diwarisi sejak turun temurun dan beliau merupakan generasi keenam dalam salasilah pembuatan tembikar Pasu Pulau Tiga.



Kemahiran dan kreativitinya dalam menghasilkan barangan yang berkualiti dan mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi ini mendapat liputan daripada media tempatan. Labu Pulau Tiga yang dihasilkan oleh beliau pernah dipamerkan di Muzium Negara Kuala Lumpur, Muzium Taiping, Muzium Kedah dan Universiti Malaya. Di samping itu beliau turut mengadakan demonstrasi pembuatan labu Pulau Tiga dan menyertai pameran pelancongan anjuran

Bentuk-bentuk Tembikar

Tembikar Perak



Tembikar Kelantan



Tembikar Pahang



Tembikar Sarawak




Tembikar Sabah



Tembikar Kechor



Motif-motif Tembikar



Bunga Tanjung




Bunga Padi




Bunga Kedudut



Bunga Cengkih



Bunga Lawang



Bunga Pecah Empat



Bentuk Huruf 'S'



Siku Keluang



Bunga Cakar Ayam



Bentuk Huruf 'X'



Pucuk Rebung



Susur Kelapa



Bentuk Bulan Sabit



Bentuk Huruf 'V'



Bentuk Tulang Ikan



Bunga Terung



Kelingai Tabak



Gelung Ulu Jempul



Gelung Sikat-ikat



Gelung Demam



Gelung Bunga Tapang Bubut



Gelung Kelindu



Gelung Bekaul




Bentuk Pucuk Rebung



Buah Semunjing



Janggut Udang



Juring



Dilah Kebumbu